



فليتا بروني
PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.04 | SUBUH 5.14 | SYURUK 6.35 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.33 | ASAR 3.54 | MAGHRIB 6.28 | ISYAK 7.41

MANISNYA IMAN

"DARIPADA Abi Bakrah Radiallahuanha daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tidak ada satu dosa yang lebih patut disegerakan hukuman bagi pelakunya (di dunia), di samping hukuman yang disimpan untuknya (di akhirat), daripada perbuatan melampaui batas dan memutuskan hubungan kekeluargaan".
(Hadis Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

TAHUN 70 BILANGAN 10

22 JANUARI 2025 / 1446 رجب 22

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

EDISI RABU / PERCUMA

PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN AMERIKA SYARIKAT

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump bersempena dengan Majlis Pelantikan Rasminya sebagai Presiden Amerika Syarikat yang Ke-47 baru-baru ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump.

NBD raih kecemerlangan pada The ASEAN Tourism Standards

Siaran Akbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

JOHOR, MALAYSIA, Selasa, 21 Januari. - Penyampaian Anugerah The ASEAN Tourism Standards diadakan pada 20 Januari 2025, bersempena dengan Forum Pelancongan ASEAN 2025 di Johor, Malaysia, untuk mengiktiraf sumbangan luar biasa dalam Sektor Pelancongan di seluruh rantau ASEAN.

Negara Brunei Darussalam (NBD) berbangga untuk mengumumkan pencapaian industri pelancongan negara dengan menerima beberapa anugerah berprestij yang diberikan kepada penerima tempatan.

The Empire Brunei dan Trueliving Spa & Studio, kedua-duanya dianugerahkan dengan '3rd ASEAN Spa Services Award' atas perkhidmatan luar biasa mereka dan komitmen terhadap kualiti dalam Sektor Pelancongan kesihatan dan kesejahteraan.

>> Muka 4

Sistem Pendaftaran Haji Dalam Talian 'Bruhaj' dilancarkan

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari. - Dalam usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan daripada manual kepada lebih bersistematis dengan memanfaatkan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji (JUH) memperkenalkan Sistem Pendaftaran Haji Dalam Talian 'Bruhaj'.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran Sistem Pendaftaran Haji Dalam

Talian 'Bruhaj' diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Muttaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Pemangku Pegawai Ugama Kanan, JUH, KHEU, Awang Haji Mohd. Hisham bin Awang Haji Maidin.

Acara kemudian diikuti dengan tayangan video pendekatan awam dalam kalangan warga KHEU bagi Sistem Pendaftaran Haji Dalam Talian 'Bruhaj'.

>> Muka 3

Bersama meneroka strategi tangani jenayah siber

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

PUTRAJAYA, MALAYSIA, Isnin, 20 Januari. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerus Jawatankuasa Keselamatan Negara, mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Asia International Security Summit and Expo 2025 (AISSE '25)

dan Cybercrime Prevention Summit 2025 yang diadakan buat julung kalinya di Putrajaya, Malaysia.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menghadiri Sidang - sidang Kemuncak berkenaan atas undangan Menteri Dalam Negeri, Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail.

>> Muka 3



Berita Utama



MEMPERKUKUH akauntabiliti,
mempromosi operasi maritim yang
selamat

Muka 6



SUMBANGAN derma untuk
Tabung Kemanusiaan Rakyat
Palestin di Gaza

Muka 9



EKSPLORASI Kerjaya 2.0 :
Memberi nilai tambah, pemahaman
kerja dalam KHEU

Muka 18



RENCANA
KECERDASAN mental penting
dijaga

Muka 21

Pasukan Polis Diraja Brunei agensi penguatkuasaan undang-undang utama



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Upacara Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sabtu, 18 Januari 2025 di Padang Kawad Besar, Pusat Latihan Polis, Gadong.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahamanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya

Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du.

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya juga dapatlah kita sama-sama berkumpul dalam Upacara Istiadat Perbarisan Bagi Majlis Istiadat Penganugerahan Bendera Panji-Panji Peribadi beta.

Penganugerahan ini adalah pengiktirafan beta kepada seluruh pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di atas khidmat jasa bakti, penat lelah, komitmen serta dedikasi yang telah ditunjukkan dalam memikul dan melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan sebagai sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang yang utama di negara ini.

Mengimbas kembali semasa Majlis Sambutan Hari Polis yang Ke-86 Tahun di mana beta telah menganugerahkan penutup kepala atau tampuk Panji-Panji PPDB. Penganugerahan tersebut telah meletakkan PPDB di satu kedudukan yang berprestij sebagai sebuah organisasi yang memainkan peranan penting dalam menjaga dan memelihara kedaulatan, keselamatan dan kesejahteraan seluruh rakyat di negara ini dari sebarang bentuk ancaman keselamatan.

Penganugerahan Panji-Panji Peribadi beta ini mempunyai signifikannya tersendiri. Ianya bukan sekadar lambang atau hiasan semata-mata tetapi membawa makna yang amat mendalam yang mencerminkan betapa tinggi amanat dan kepercayaan beta terhadap PPDB. Dengan pengibaran bendera Panji-Panji Peribadi beta di setiap upacara perbarisan akan melambangkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi PPDB kepada raja, negara dan agama. Setiap pegawai dan anggota PPDB bertanggungjawab untuk menanai dan mempertahankan nilai panji-panji yang melambangkan keberanian, disiplin dan juga kecekapan dalam memikul tugas

dan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Pada 28 Oktober 2024 yang lalu, beta telah memperkenankan bagi pelancaran Buku Pelan Strategik PPDB yang bertema 'Pasukan Untuk Masa Depan' bersempena Penubuhan PPDB yang Ke-100 Tahun. Buku Pelan Strategik tersebut juga menjelaskan Strategi Teras Pasukan yang tertumpu kepada lima aspek penting iaitu; Struktur Prestasi, Pengurusan Sumber, Penggunaan Teknologi, Latihan dan Kerjasama PPDB dan orang awam.

Buku Pelan Strategik ini memberikan panduan secara holistik dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan. Dengan penekanan kepada peningkatan keupayaan siasatan siber dan pengukuhan hubungan dengan masyarakat, PPDB berada di landasan yang kukuh untuk terus memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negara.

Beta berharap Buku Pelan Strategik PPDB ini akan dijadikan sebagai satu manifesto untuk PPDB terus berkembang maju dengan lebih terarah. Ianya meliputi semua aspek termasuk kepimpinan, meningkatkan profesionalisme, memantapkan urus tadbir pasukan dan terus membina keupayaan pasukan bersama rakan-rakan strategik di dalam dan di luar negara dalam membanteras sebarang bentuk kegiatan jenayah yang boleh mengancam keselamatan negara.

Dalam kesempatan ini, beta ingin melihat competency framework yang beta perkenankan digunakan bagi semua peringkat PPDB untuk mendapatkan kemahiran-kemahiran dan kapakaran-kapakaran dalam bidang kepolisian.


>> Muka 4

WAKTU SEMBAHYANG

JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	RABU	22	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
23	KHAMIS	23	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
24	JUMAAT	24	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	SABTU	25	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
26	AHAD	26	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
27	ISNIN	27	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	SELASA	28	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SIDANG PENGARANG

22 JANUARI 2025

Manfaat internet dalam masyarakat

DALAM dunia moden yang semakin canggih ini, internet telah menjadi salah satu teknologi yang paling penting dalam kehidupan kita. Bagai isi dan kuku, internet merupakan satu ciptaan manusia yang menghubungkan pelbagai gajet kegunaan harian kita.

Ia membawa pelbagai manfaat kepada masyarakat, baik dari segi kemudahan akses maklumat, komunikasi yang pantas, peluang pendidikan hingga kepada pembangunan sosial dan ekonomi.

Kemudahan internet ini tercipta hasil daripada kajian dan penyelidikan yang mendalam malah generasi muda yang membesar dengan kemudahan internet seharusnya bersyukur dan menggunakan dengan sebaik yang mungkin.

Internet telah merevolusikan cara kita berkomunikasi. Dahulu, kita perlu mengirim surat atau membuat panggilan telefon untuk berhubung dengan orang lain di jarak jauh.

Tetapi dengan adanya internet, komunikasi menjadi lebih pantas dan mudah. Melalui e-mel, pesanan teks atau panggilan video, kita boleh berhubung dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia dengan cepat dan kos efektif.

Kemudahan internet ini membantu memperluas rangkaian sosial kita, mempererat hubungan dengan keluarga dan rakan-rakan, serta membantu mempertingkatkan tahap kerjasama antara individu dan organisasi di peringkat global. Oleh itu, jelaslah bahawa perkhidmatan internet memudahkan kita untuk berkomunikasi antara satu dengan yang lain.

Seterusnya, internet juga telah membuka pintu kepada dunia maklumat yang luas. Kini, dengan hanya beberapa klik sahaja, kita boleh mendapatkan pelbagai jenis maklumat yang kita perlukan. Tidak kira apa sahaja tajuk yang kita minati, internet memberikan kita akses kepada berita terkini, sumber rujukan, artikel ilmiah dan banyak lagi.

Selain itu, internet yang dibina untuk mengumpulkan maklumat tanpa sempadan wajar dimanfaatkan masyarakat khususnya pada era yang serba moden ini kerana ia telah menjadikan perkongsian maklumat lebih pantas dan mudah.

Dalam masa yang sama, internet juga memberikan peluang perniagaan yang tidak terhad. Melalui e-Dagang, sesiapa sahaja boleh menjual atau membeli barang di mana sahaja di dunia ini. Ini memberikan peluang kepada usahawan kecil dan sederhana untuk memasarkan produk mereka secara global, seterusnya membuka pintu kepada lebih banyak peluang perniagaan.

Pastinya, internet penting untuk masyarakat kerana ia membantu meningkatkan kebolehpasaran produk atau perkhidmatan serta menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara.

Internet telah membawa banyak kebaikan kepada masyarakat hari ini, daripada kaedah komunikasi yang lebih mudah, akses kepada maklumat tanpa sempadan, peluang perniagaan yang meluas serta kemudahan urusan kewangan. Masyarakat yang mempunyai minda yang dinamik, pastinya tahu untuk memanfaatkan teknologi ini supaya kehidupan akan lebih produktif dan ke arah yang lebih positif.

- Ketua Penyuntingan (ZK)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرين بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

SISTEM PENDAFTARAN HAJI DALAM TALIAN 'BRUHAJ' DILANCARKAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Pelancaran Sistem Pendaftaran Haji Dalam Talian 'Bruhaj' (kiri), manakala gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

Pelancaran Sistem Pendaftaran Haji Dalam Talian 'Bruhaj' kemudiannya disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Acara diteruskan lagi dengan menyaksikan tayangan video panduan pendaftaran 'Bruhaj'.

Pada majlis berkenaan, para hadirin juga berpeluang untuk mencuba sendiri sistem 'Bruhaj' yang baharu diperkenalkan. Pendaftaran haji melalui sistem 'Bruhaj' adalah dengan 'log masuk' menggunakan e-Darussalam.

Sementara itu, JUH juga akan mengendalikan Klinik 'Bruhaj' kepada orang ramai yang memerlukan bantuan dalam membuat pendaftaran haji dalam talian dengan menggunakan sistem berkenaan pada hari dan waktu bekerja bertempat di Ruang Legar, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU;

dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Pendaftaran haji melalui sistem 'Bruhaj' adalah percuma dan dibukakan bermula hari ini kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam dan pemegang Kad Pengenalan Pintar berwarna kuning sahaja.

Perkara berkenaan adalah disesuaikan dengan peraturan Kementerian Haji dan Umrah, Arab Saudi bahawa kuota yang ditetapkan bagi mana-mana negara adalah untuk rakyat negara berkenaan sahaja.

Walau bagaimanapun, bagi penduduk tetap NBD dan juga warganegara asing yang berkahwin dengan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam boleh juga mendaftar haji, iaitu dengan hadir untuk berurusan terus ke JUH.

Bagi mereka yang sudah atau pernah mendaftar haji sebelum adanya sistem 'Bruhaj' berkenaan adalah tidak perlu mendaftar semula, kerana semua data pemohon yang telah mendaftar



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa berucap.

dan dalam senarai menunggu, iaitu seramai 23,761 orang sebelum adanya sistem berkenaan telah dimasukkan ke dalam sistem tersebut mengikut tahun jangkaan yang telah dimaklumkan sebelum ini.

Sambutan orang ramai selepas Sistem Pendaftaran Haji Dalam Talian 'Bruhaj' dilancarkan pada pagi tadi adalah sangat menggalakkan. Setakat jam 4.00 petang tadi mencatatkan seramai 294 orang telah mendaftar secara individu, manakala 1,060 orang mendaftar secara berkumpulan.

Bagi orang ramai yang masih belum mendaftar, KHEU menyarankan untuk mendaftar sekarang bagi persiapan masa akan datang.



Bersama meneroka strategi tangani jenayah siber




YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negara, mengetuai Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Asia International Security Summit and Expo 2025 (AISSE '25) dan Cybercrime Prevention Summit 2025 yang diadakan di Putrajaya, Malaysia (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

>> Muka 1

Negara.

Dengan tema 'Asia United : Charting the Future of Global Peace and Security through Law Enforcement Collaboration', Sidang Kemuncak AISSE '25 bertujuan untuk memupuk kerjasama yang lebih erat di tahap serantau dan antarabangsa dalam menghadapi cabaran-cabaran keselamatan yang semakin kompleks. Manakala, Sidang Kemuncak



Cybercrime Prevention Summit merupakan acara sampingan utama sempena AISSE '25 yang bertujuan untuk mengetengahkan isu-isu kritis dan strategi menangani jenayah siber yang semakin berleluasa dan membimbangkan.

Pembukaan Rasmi Sidang-kemuncak tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr.

Ahmad Zahid bin Hamidi.

AISSE '25 dan Cybercrime Prevention Summit 2025 disertai oleh lebih dari 300 buah syarikat daripada 20 buah negara dan menempatkan *indoor booths* dan pameran statik di luar.

Lebih dari 1,000 delegasi antarabangsa termasuk Pemimpin-pemimpin Kerajaan, Agensi-agensi Penguatkuasaan Undang-undang, ahli-ahli akademik dan pakar industri turut

menghadiri Sidang-sidang Kemuncak tersebut.

Semasa menghadiri Sidang-sidang Kemuncak tersebut, delegasi NBD juga telah mengadakan Kunjungan Hormat kepada Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, bagi membincangkan peluang-peluang kerjasama dalam bidang-bidang yang berkepentingan bagi kedua-dua buah negara.

NBD RAIH KECEMERLANGAN PADA THE ASEAN TOURISM STANDARDS

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

>> Muka 1

Manakala Sumbiling Eco Village, yang terletak di Daerah Temburong pula menerima '4th ASEAN Community - Based Tourism (CBT) Award', yang menyorot dedikasi kampung berkenaan dalam mempromosi pengalaman pelancongan yang mampan dan berbudaya sambil memberi manfaat kepada komuniti tempatan.

Manakala 'Premium Toilet', Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah dianugerahkan dengan '3rd ASEAN Public Toilet Standard Award' atas tahap kebersihan dan kemudahan yang tinggi, sebagai contoh bagi kemudahan awam bagi meningkatkan pengalaman

pelawat.

Anugerah-anugerah berkenaan mencerminkan komitmen berterusan NBD terhadap kecemerlangan dalam pelancongan, kemampuan dan pembangunan komuniti.

Selain itu, ia juga menyoroti langkah besar negara ini dalam menyelaraskan dengan standard pelancongan ASEAN dan mengukuhkan kedudukannya sebagai pemain utama dalam pelancongan serantau.

NEGARA Brunei Darussalam (NBD) berbangga untuk mengumumkan pencapaian industri pelancongan negara dengan menerima beberapa anugerah berprestij yang diberikan kepada penerima tempatan.



Pendaftaran keputusan Pra-STPUB, STPUB dibukakan

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Progresif Sdn. Bhd. (Progresif), Imagine Sdn. Bhd. (Imagine) dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) ingin memaklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan keputusan peperiksaan-peperiksaan Pra-Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (Pra-STPUB) dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masih melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) akan mula dibukakan.

Calon-calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan berkenaan dikehendaki mendaftar terlebih dahulu melalui perkhidmatan SMS.

Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mula mendaftar pada Rabu, 22 Januari 2025, jam 2.00 petang.

Pendaftaran melalui perkhidmatan SMS adalah dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON (jarak) NOMBOR KAD PENGENALAN PINTAR dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif atau 39966 bagi pelanggan Imagine.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan dengan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan talian masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi. Melalui perkhidmatan berkenaan nanti, diharap akan dapat memudahkan para calon, ibu bapa atau penjaga mengetahui keputusan

peperiksaan - peperiksaan Pra-STPUB dan STPUB Tahun 1445H / 2024M secara individu dengan lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta termasuk syarat bagi perkhidmatan

berkenaan, bolehlah menghubungi MachTel melalui talian +673 8671355 atau e-mel kheureresults@machbrunei.com.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Competency framework ini juga akan dapat membantu dalam menyusun atur dan melancarkan succession planning serta penstrukturkan semula PPDB sebagai sebuah organisasi.

Tahun ini, genaplah usia PPDB menjangkau 104 tahun. Beta ingin melihat PPDB menunjukkan kematangan dari segi perlaksanaan amanah dan tugasnya serta bermuhasabah diri dan bertekad untuk terus meningkatkan profesionalisme dalam PPDB.

Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang utama di negara ini, beta ingin mengulangi lagi seruan sebelum ini agar semua pegawai dan anggota PPDB untuk sentiasa menunjukkan etika kerja yang baik, berdisiplin, berintegriti dan profesional dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanatkan.

Tindakan yang berlandaskan kejujuran, ketelusan dan tanggungjawab akan memastikan kepercayaan masyarakat negara ini terhadap PPDB terus utuh, disiplin yang kukuh bukan sahaja membentuk keperibadian pegawai dan anggota PPDB yang cemerlang, tetapi juga menjadi benteng pertahanan kepada cabaran moral dan etika.

Akhirnya, beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada semua pegawai dan anggota PPDB yang telah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran dalam menjayakan Upacara Istiadat Penganugerahan Panji-Panji Peribadi beta.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Faktor Risiko:

- ✖ Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi daripada wanita.
- ✖ Memiliki ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- ✖ Pernah menghidap kanser kolorektal.
- ✖ Berat badan yang berlebihan.
- ✖ Merokok.
- ✖ Tidak aktif.
- ✖ Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- ✖ Minuman minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

-  Tidak merokok.
-  Perbanyak memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
-  Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.
-  Meningkatkan aktiviti fizikal.
-  Elakkan meminum minuman keras yang berlebihan.

Tanda-tanda kanser kolorektal:



- ✖ Perubahan dalam pergerakan usus.
- ✖ Darah dalam najis.
- ✖ Sakit perut yang berpanjangan.
- ✖ Kembung perut.
- ✖ Kurang selera makan.



Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppk.gov.bn

KEPENTINGAN KERJASAMA TANGANI CABARAN PELANCONGAN ASEAN



Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

JOHOR, MALAYSIA, Isnin, 20 Januari. - Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN Ke-28 (The 28th Meeting of ASEAN Tourism Ministers-28th M-ATM) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan, bersempena dengan Forum Pelancongan ASEAN 2025 (ASEAN Tourism Forum 2025-ATF 2025) diadakan pada 16 hingga 20 Januari 2025 di Johor, Malaysia.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab serta pegawai-pegawai Jabatan Kemajuan Pelancongan.

28th M-ATM didahului dengan 61st Meeting Of ASEAN National Tourism Organisation (NTOs) dan Mesyuarat Rasmi Kanan lain dengan Rakan Dialog.

Dengan tema 'Unity In Motion : Shaping Asean's Tourism Tomorrow', mesyuarat berkenaan menekankan pemuliharan Sektor Pelancongan selepas wabak tetapi juga mempamerkan potensi besar untuk pertumbuhan dan inovasi dalam Sektor Pelancongan.

Mesyuarat dengan suacitanya mencatatkan pertumbuhan positif pada 2024 kerana Negara-negara Anggota ASEAN sedang melaksanakan dasar dan inisiatif yang lebih kukuh termasuk melonggarkan Permohonan Visa untuk pelancong antarabangsa dan mempelbagaikan tawaran pelancongan.

Angka awal menunjukkan bahawa menjelang akhir 2024, ASEAN mengalu-alukan lebih 123 juta pelawat, iaitu peningkatan sebanyak 30.6 peratus daripada 2023.

Dalam mesyuarat berkenaan menyatakan bahawa kira-kira 70 peratus daripada aktiviti di bawah Pelan Strategik Pelancongan ASEAN (ASEAN Tourism Strategic Plan-ATSP) 2016-2025 telah dilaksanakan.

Mesyuarat juga bersetuju untuk menyelaraskan keutamaan ASEAN Tourism Sectoral Plan 2026-2030 dengan ASEAN

Economic Community Strategic Plan 2026-2030, yang mempromosi rantau yang mampan dan berdaya tahan melalui kerjasama yang lebih kukuh.

Selain itu, mesyuarat berkenaan memuji kejayaan pelancaran Kempen Pemasaran Pelancongan, ImaginASEAN Metaverse Game dan menggalakkan penerokaan berterusan mengenai strategi pemasaran digital untuk melibatkan khalayak global, terutamanya menyasarkan pengembala yang lebih muda dan celik teknologi.

Mesyuarat tersebut juga menyeru peningkatan kerjasama dengan pihak berkepentingan sektor swasta untuk membangunkan infrastruktur, mereka bentuk jadual perjalanan pelayaran yang disesuaikan, dan memasarkan ASEAN sebagai hab pelancongan pelayaran dan mengukuhkan kapasiti dan kualiti sumber manusia yang terlibat dalam inisiatif ekopelancongan di bawah pelaksanaan ASEAN Ecotourism Standard for Activities, Facilities, and Services.

Dalam mesyuarat berkenaan juga menyatakan selesainya inisiatif rentas sektor dalam Sektor Harta Intelek (Intellectual Property-IP) dan pelancongan dalam pelancaran 'Microsite on IP-Driven Tourism in ASEAN' yang disokong oleh World Intellectual Property Organization (WIPO).

Mesyuarat juga memuji kejayaan First Meeting of the Ad-Hoc Task Force on Tourism and Transport (1st ATFTT), pada 20 November 2024 untuk memberi tumpuan dalam kajian jurang saling hubungan di destinasi dalam ASEAN dan promosi bersama untuk meningkatkan bilangan ketibaan pelawat antarabangsa dan penumpang udara untuk meningkatkan hubungan dan inklusif serantau, memastikan bahawa manfaat meluas ke destinasi yang kurang diwakili.

Mesyuarat berkenaan menekankan kepentingan pelancongan mampan sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi, pemeliharaan budaya, dan pemuliharaan alam sekitar dan kepentingan memanfaatkan

YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengetuai Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN Ke-28 (The 28th Meeting of ASEAN Tourism Ministers-28th M-ATM) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan bersempena dengan Forum Pelancongan ASEAN 2025 (ASEAN Tourism Forum 2025-ATF 2025) (atas dan atas kiri).

public - private partnerships (PPPs) untuk mengerakkan sumber dan kepakaran bagi inisiatif yang sejajar dengan Pelan Tindakan untuk Pembangunan Pelancongan Mampan di ASEAN.

Selain itu, mesyuarat berkenaan juga menggalakkan sektor swasta untuk mengamalkan amalan bertanggungjawab sosial, mewujudkan peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan dan menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam rantaian nilai pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menekankan kepentingan kerjasama dalam mengatasi cabaran dan membuka potensi besar ASEAN sebagai destinasi global yang terulung.

Yang Berhormat menekankan keperluan untuk mempergiatkan usaha untuk melengkapkan baki program di bawah Pelan Strategik Pelancongan ASEAN (ASEAN Tourism Strategic Plan-ATSP) 2016-2025, dan inisiatif serantau, termasuk pelaksanaan aktiviti, kemudahan dan perkhidmatan untuk meningkatkan standard dan kualiti penawaran pelancongan dan usaha berterusan untuk meningkatkan inisiatif hubungan yang bertujuan untuk menyediakan destinasi yang kurang dikenali di ASEAN.

Mesyuarat mengambil maklum bahawa kira-kira 70 peratus daripada ASEAN Plus Three (APT) Tourism Cooperation Work Plan 2021-2025 berjaya dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, ia menekankan keperluan untuk membangunkan APT Tourism Cooperation Work Plan for 2026-2030 yang baharu, memastikan penjajaran dengan kepentingan utama ASEAN Tourism Sectoral Plan (ATSP) 2026-2030.

Sebagai sebahagian daripada pendekatan yang berpandangan ke hadapan, mesyuarat bersetuju untuk memberikan penekanan yang lebih kepada inisiatif pemasaran kolaboratif, menggalakkan amalan pelancongan mampan dan terlibat secara aktif dengan pihak berkepentingan yang

berkaitan, termasuk sektor swasta untuk mengukuhkan daya tahan dan pembangunan Sektor Pelancongan ASEAN.

Selaras dengan keutamaan berkenaan, Yang Berhormat menekankan kepentingan latihan tenaga kerja di bawah rangka kerja APT, khususnya dalam melengkapkan pemandu pelancong dengan kemahiran dalam bahasa-bahasa Plus Three Countries.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat daripada ketibaan pelancong antarabangsa di rantau ini, meningkatkan pengalaman pelawat pada masa yang sama mewujudkan pekerjaan dan memastikan kemampaman jangka panjang Sektor Pelancongan NBD.

Yang Berhormat juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat ASEAN atas sokongan berterusan mereka dalam memajukan inisiatif berkenaan melalui program pembinaan kapasiti dan aktiviti promosi.

Mesyuarat juga mengalaukan Declaration of 2025 as the ASEAN-India Year of Tourism, mengiktirafnya sebagai peluang penting untuk mengukuhkan pertukaran budaya, hubungan dan kerjasama antara ASEAN dan India.

Tahun penting ini dilihat sebagai platform untuk mempamerkan warisan, tradisi yang pelbagai dan peluang pelancongan yang dinamik dikongsi, dengan matlamat untuk meningkatkan ketibaan pelancong dua hala dan mengeratkan hubungan budaya.

Dalam konteks berkenaan, mesyuarat menekankan kepentingan inisiatif pembinaan kapasiti di bawah ASEAN-India Tourism Work Plan 2023-2027 untuk meningkatkan hubungan *people-to-people*.

Yang Berhormat menegaskan kembali sokongan padu NBD terhadap pengisytiharan berkenaan, memandangnya sebagai detik penting untuk mengukuhkan kesalinghubungan dan merangsang pertumbuhan pelancongan.

Yang Berhormat turut menekankan pelancaran sambungan penerbangan terus antara Bandar Seri Begawan dan Chennai, India, yang bermula pada November 2024, sebagai perkembangan penting.

Luuan baharu berkenaan dilihat sebagai langkah penting dalam meningkatkan hubungan *people-to-people* dan meneroka pasaran pelancongan India yang semakin berkembang.

NBD berharap dapat bekerjasama rapat dengan Negara Anggota ASEAN dan India untuk melaksanakan inisiatif inovatif yang akan memberi tenaga kepada industri pelancongan, memupuk pengalaman bermakna dan menyumbang kepada kemakmuran serantau dan pertukaran budaya.

Mesyuarat juga mengalaukan kejayaan pelaksanaan projek 'Expanding Business Contacts between Russia and ASEAN Countries' Tourism Enterprises through Russian Language Training and Experience Exchange', yang meningkatkan kemahiran profesional kakitangan pelancongan dan mengukuhkan kerjasama dalam kalangan perusahaan pelancongan.

Mesyuarat berkenaan juga menyatakan sokongan terhadap cadangan projek yang sedang dibangunkan dan diterajui oleh NBD untuk menge tengahkan destinasi yang kurang diteroka di kedua-dua ASEAN dan Rusia.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk mempelbagaikan tawaran pelancongan dengan mempamerkan destinasi yang kurang dikenali, sekali gus mewujudkan peluang baharu untuk pelancong serantau dan antarabangsa menemui pengalaman unik dan tulen.

Mesyuarat seterusnya menyatakan sokongan untuk pembangunan lanjut inisiatif serupa yang bertujuan untuk membina kapasiti, meningkatkan kemahiran tenaga kerja dan meningkatkan pemahaman budaya dalam Sektor Pelancongan.

SESI MUZAKARAH KETENGAHKAN PERKEMBANGAN, KEMAJUAN BRUNEI LNG



TUTONG, Selasa, 21 Januari. - Sebagai sebahagian daripada usahanya untuk memperkuuhubungan dengan komuniti di Daerah Tutong, Brunei LNG Sendirian Berhad (Brunei BLNG) petang tadi menganjurkan Sesi Muzakarah bersama komuniti Daerah Tutong dan pihak-pihak berkepentingan yang berlangsung di Grand Ballroom, The Lanes Hotel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Muzakarah berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dari Daerah Tutong serta Pengurus Sumber Manusia, Harta Tanah dan Kemudahan, Brunei LNG, Dayang Rezona binti Tajuddin dan wakil daripada pasukan pemimpin

Brunei LNG.

Acara juga turut dihadiri oleh pemimpin-pemimpin komuniti dan pihak-pihak berkepentingan luar.

Dalam ucapan perasmian, Dayang Rezona menekankan mengenai komitmen Brunei LNG dalam memastikan operasi yang mampar sebagai penyumbang utama kepada ekonomi dan pembangunan negara sejak ia mula diasaskan pada 55 tahun lalu.

Beliau juga menekankan mengenai kepentingan kerjasama rapat dengan pihak berkepentingan untuk menggalakkan pembangunan dan kemajuan bersama, melalui penglibatan aktif dalam inisiatif sosial dan komuniti yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pada Sesi Muzakarah berkenaan, wakil-wakil dari Brunei LNG juga membentangkan mengenai perjalanan Brunei LNG selama 55 yang lalu, menunjukkan peranan organisasi dalam sektor tenaga untuk pertumbuhan dan kemajuan NBD, langkah-langkah keselamatan jalan raya serta sumbangan sosial.

Perbincangan lain yang dijalankan pada Sesi Muzakarah berkenaan termasuklah jaminan untuk menjaga operasi berterusan Brunei LNG serta isu pencerobohan di kawasan larangan dan berbahaya.

Keselamatan merupakan keutamaan Brunei LNG, dan dengan mempertimbangkan pekerja yang berulang-alik dari dan melalui Tutong, satu Bicara Keselamatan Jalan Raya juga diadakan sejajar dengan Hari

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Muzakarah berkenaan. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri), manakala gambar bawah kanan, antara yang menghadiri Sesi Muzakarah tersebut.

Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia.

Sesi pembentangan berkenaan dikendalikan oleh pasukan keselamatan jalan raya, dengan tujuan untuk mempersiapkan komuniti dengan pengetahuan penting dalam menjaga keselamatan jalan raya.

Melalui pematuhan yang ketat terhadap undang-undang dan peraturan, Brunei LNG akan terus memastikan kesejahteraan sosial komuniti dan ia beroperasi, dengan langkah-langkah yang berkesan untuk melindungi pekerja, kontraktor, dan komuniti sekitar daripada risiko yang mungkin berlaku.

Sesi Muzakarah antara lain bertujuan untuk memupuk



PENGURUS Sumber Manusia, Harta Tanah dan Kemudahan, Brunei LNG, Dayang Rezona binti Tajuddin semasa ucapan perasmian.

pemahaman yang lebih baik tentang pencapaian, operasi dan cabaran organisasi. Sebagai sebahagian daripada komitmen berkenaan, Brunei LNG juga akan berusaha untuk memberi kemas kini secara berkala kepada semua pihak melalui platform media yang sedia ada.



Memperkuuh akauntabiliti, mempromosi operasi maritim yang selamat



Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

bermula hari ini sehingga 24 Januari 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan majlis berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri menekankan kepentingan tadbir urus maritim dan kelestarian, serta mengetengahkan bahawa bengkel berkenaan memperkuuh komitmen bersama terhadap akauntabiliti dan mempromosi operasi maritim yang keselamatan, lestari dari segi alam sekitar dan harmonis di peringkat global.

Tambahnya lagi, ini mencerminkan dedikasi NBD dalam memupuk kerjasama antarabangsa dan memajukan tadbir urus maritim.

Beliau juga membincangkan kepentingan kerjasama serantau dan pembangunan kapasiti, sambil menyatakan bahawa bengkel berkenaan menandakan

satu pencapaian penting dalam memperkuuh keupayaan dan kesiapsiagaan NBD terhadap kecemasan maritim.

Bengkel berkenaan katanya lagi, berfungsi sebagai pemangkin untuk meningkatkan kerjasama antarabangsa dan serantau, dengan matlamat untuk mempromosi pengintegrasian amalan terbaik.

Bengkel berkenaan memberi tumpuan kepada konvensyen-konvensyen penting seperti CLC/Fund regime, HNS Convention, Bunkers Convention, LLMC, dan Nairobi Convention.

Objektif utama bengkel adalah untuk memudahkan pelaksanaan dan penguatkuasaan liability regimes serta menyediakan gambaran menyeluruh tentang konvensyen - konvensyen berkenaan.

Para peserta akan meneroka sejarah, prinsip, pelaksanaan dan impak dunia sebenar konvensyen - konvensyen berkenaan, serta memperoleh pandangan berharga tentang prinsip tanggungjawab dan

pampasan serta bagaimana ia diintegrasikan ke dalam undang-undang negara.

Bengkel berkenaan difasilitasi oleh pakar - pakar terkenal, termasuk Jan Engel de Boer dari IMO, Mark Homan dari International Group of P&I Clubs (IG P&I), dan Julien Rabeux dari Secretariat of the International Oil Pollution Compensation (IOPC) Fund.



ANTARA yang menghadiri bengkel berkenaan.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan ucapan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari. - Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) menganjurkan Bengkel Serantau mengenai Pertubuhan Maritim Antarabangsa (International Maritime Organization - IMO) Civil Liability and Compensation Regime di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bengkel berkenaan diadakan

bengkel berkenaan menghimpunkan 24 wakil daripada 13 negara anggota di seluruh rantau Asia-Pasifik yang terdiri daripada China, Nepal, Kembuja, Sri Lanka, Bangladesh, Mongolia, Singapura, Laos, Pakistan, India, Malaysia, Indonesia dan Filipina.

Turut hadir ialah Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman.

PEKA DENGAN KAEADAH, STRATEGI PEMBELAJARAN, PENGAJARAN TERKINI



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Januari. - Program Induksi bagi Tenaga Pengajar yang diadakan selama lima hari bermula pada 15 Januari lalu berakhir dengan Majlis Penutup bertempat di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, hari ini.

Seramai 29 orang yang terdiri daripada Pegawai Pelajaran Bergaji Hari melalui Program Perantis, Pegawai Pelajaran Bergaji Hari di bawah Skim Biasiswa Ikat Janji sebagai pendidik dan juga tenaga pengajar baharu dalam bidang pendidikan khas telah menerima sijil masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta ialah

Dayang Masdiah seterusnya

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Terdahulu, Pengarah Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah selaku Pengerusi Jawatankuasa Program Induksi bagi Tenaga Pengajar Baharu dalam ucapannya berkata bahawa para peserta telah berjaya menamatkan Program Induksi yang telah berlangsung selama lima hari bermula pada 15 Januari lalu, dengan menunjukkan dedikasi dan komitmen yang baik, semangat yang padu serta penyertaan yang aktif dalam mengikuti semua taklimat-taklimat, bengkel-bengkel dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.

Menurutnya lagi, para guru adalah merupakan *role model* kepada para pelajar dan para guru perlu sentiasa meningkatkan profesionalisme serta menjaga perwatakan, penampilan, sikap dan peribadi sebagai seorang guru.

melahirkan kepercayaan bahawa dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh, para peserta akan lebih bersedia dan bersemangat kembali ke sekolah dan seterusnya memanfaatkan apa yang telah dipelajari melalui program ini, bukan sahaja di peringkat sekolah, malahan juga di sepanjang kerjaya sebagai seorang pendidik.

Oleh yang demikian, beliau turut menyarankan agar tenaga pengajar baharu akan sentiasa meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dan sentiasa peka dengan kaedah dan strategi terkin.

Dalam hal ini terutama, penguasaan kemahiran Pendidikan Abad Ke-21 amat perlu untuk mengoptimumkan keberkesanannya dan keberhasilan pengajaran. Kementerian Pendidikan khususnya Jabatan Pengurusan Pendidik akan sentiasa mempertingkatkan, memperluas dan memastikan Program Induksi ini adalah intensif dan komprehensif dalam menyokong perkembangan tenaga pengajar baharu sejak dengan keperluan landskap pendidikan yang sentiasa berkembang, seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan.

Beliau juga melahirkan keyakinan bahawa, dengan program-program perkembangan kapasiti yang disediakan serta sokongan berterusan Kementerian Pendidikan, para peserta yang berjaya menamatkan Program Induksi pada kali ini, akan menjadi aset utama Kementerian Pendidikan dalam membantu mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Program turut diisikan dengan aktiviti dan taklimat dari Jabatan Perdana Menteri, jabatan-jabatan

di bawah Kementerian Pendidikan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para peserta (atas kiri dan atas).

dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Antara tujuan program induksi berkenaan diadakan adalah untuk memberi bimbingan kepada tenaga pengajar yang baharu berkhidmat agar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja serta melaksanakan tugas dengan baik dengan persediaan yang diberikan, khususnya dalam beberapa tahun pertama berkhidmat sebagai guru.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan.

ASEAN Campus Joint Laboratory : Memperkuuh kerjasama penyelidikan, akademik



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan semasa sesi bergambar ramai pada Graduation of Osaka University International Certificate Programme (OUICP).

TUTONG, Selasa, 21 Januari. - Osaka University Kampus ASEAN (Brunei Office) hari ini meraikan Graduation of Osaka University International Certificate Programme (OUICP) 2023 dan permulaan kohort OUICP 2024 bagi pelajar pascasiswazah daripada tiga institusi tempatan, iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Majlis berkenaan merupakan acara fizikal pertama yang dianjurkan oleh Osaka University Kampus ASEAN (Brunei Office)

dengan kerjasama UNISSA di Kampus Sinaut, UNISSA untuk program OUICP.

Majlis diadakan untuk meraikan 10 pelajar siswazah daripada setiap institusi masing-masing yang telah menamatkan program khas selama sembilan bulan yang dinamakan The Osaka University International Certificate Program dalam bidang bioteknologi, sains halal, teknologi dan inovasi yang dihoskan oleh The University of Osaka, Jepun.

Majlis berkenaan turut mengadakan majlis mengalukan kemasukan 10 pelajar

siswazah bagi kohort 2024.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad yang juga turut menyampaikan sijil kepada graduan 2023.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal; Penasihat Kanan kepada Presiden The University Of Osaka, Profesor Dr. Kiyoshi Fujita; Pengaruh Serantau Pusat Inisiatif Akademik ASEAN; Pengaruh,

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Putus Hal Ehwal Antarabangsa; Sekolah Siswazah Kejuruteraan, The University of Osaka; Pemangku Naib Canselor, UTB, Dr. Mohamad Saiful bin Haji Omar serta wakil-wakil dari UBD, UNISSA, dan UTB.

Sejurus selesai acara berkenaan, acara diselanjurkan dengan Majlis Pelancaran 'ASEAN Campus Joint Laboratory' antara UNISSA dan The University of Osaka yang dirasmikan oleh tetamu kehormat majlis bertempat di Pusat Makmal Saintifik Ibnu Sina, UNISSA, Kampus Sinaut.

Majlis berkenaan dimulakan dengan ucapan pembukaan yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Makmal Saintifik Ibnu Sina, UNISSA, Dr. Cristalina Jalil Marsal.

Seterusnya, Rektor UNISSA menyampaikan cenderamata kepada tetamu kehormat majlis dan Profesor Dr. Kiyoshi Fujita.

Kemudian diikuti dengan penandatanganan plak oleh tetamu kehormat majlis yang disaksikan oleh Rektor UNISSA dan Profesor Dr. Kyoshi Fujita, diikuti dengan sesi bergambar berkumpulan dan lawatan makmal di pusat berkenaan.

Turut hadir ialah Duta Besar Jepun yang dilantik (Designated Ambassador of Japan to Brunei Darussalam) ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka; pegawai-pegawai dari UBD dan

UTB, pegawai-pegawai kanan agensi kerajaan dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Jabatan Pertanian dan Agrimakan serta Jabatan Perikanan dari Kementerian Pelancongan dan Sumber-Sumber Utama.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama dan kakitangan UNISSA.

'Joint Laboratory' berkenaan ditubuhkan untuk menguruskan aktiviti 'Joint Campus' Osaka University - UNISSA sebagai sebahagian daripada 'Osaka University ASEAN Campus Project' untuk program *joint degree* antarabangsa, pertukaran pelajar dan kursus pendidikan lain, penyelidikan kolaboratif dan kerjasama akademik-industri antara kedua-dua universiti.

'Joint Laboratory' berkenaan akan menyokong projek penyelidikan kolaboratif seperti 'Menyiasat Potensi Piper Betel (Siri) Sebagai Pilihan Rawatan untuk Kanser Paru-paru Mutan EGFR (EGFR-Mutant Lung Cancer) dan Kanser Pankreas Mutan KRAS G12D (KRAS G12D-Mutant Pancreatic Cancer)' oleh Profesor Masayoshi Arai dan pasukan UNISSA yang diketuai oleh Dr. Siti Nur Idayu binti Haji Matussin.

Ini berpotensi menyumbang lebih lanjut kepada kajian anti-kanser di NBD.

MEMANTAPKAN PENGETAHUAN, KEMAHIRAN TATABAHASA BAHASA MELAYU

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Selasa, 21 Januari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Brunei Darussalam melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa mengungkayahkan Bengkel Pemantapan Tatabahasa Bahasa Melayu (BPTBM) selama dua hari



ANTARA yang hadir pada Bengkel Pemantapan Tatabahasa Bahasa Melayu.

Keputusan BCGCE Peringkat 'AS', 'A' dikeluarkan

Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan memaklumkan bahawa Keputusan Peperiksaan Brunei - Cambridge GCE (BCGCE) Peringkat 'AS' dan 'A' Sesi Oktober / November 2024 telah pun dikeluarkan.

Seramai 1,031 calon telah menduduki Peperiksaan BCGCE peringkat 'AS' Sesi Oktober / November 2024. Daripada jumlah ini, seramai 1,025 adalah calon sekolah.

Seramai 713 calon sekolah (69.56 peratus) telah memperoleh 2 'AS' Level dan ke atas. Manakala calon sekolah yang memperoleh 3 'AS' Level dan ke atas adalah seramai 490 (47.81 peratus).

Manakala seramai 66 calon sekolah telah berjaya memperoleh Gred 'A' di dalam sekurang-kurangnya dua mata pelajaran, 28 calon memperoleh Gred 'A' di dalam sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran dan lapan calon telah memperoleh Gred 'A' di dalam sekurang-kurangnya empat mata pelajaran.

Sementara itu, seramai 1,454 calon telah menduduki Peperiksaan BCGCE Peringkat 'A' Sesi Oktober / November 2024 dan daripada jumlah ini, seramai 1,374 adalah calon sekolah.

Seramai 1,252 calon sekolah (91.12 peratus) telah memperoleh 2 'A' Level dan ke atas. Manakala calon sekolah yang memperoleh 3 'A' Level dan ke atas adalah seramai 1,041 (75.76 peratus).

Seramai 107 calon sekolah telah berjaya memperoleh Gred

berlangsung di Balai Sarmayuda DBP Berakas.

Penganjuran BPTBM merupakan julung-julung kalinya diadakan oleh DBP, bagi meningkatkan dan memantapkan pengetahuan dan kemahiran tatabahasa bahasa Melayu,

khususnya para editor, penyunting dan yang signifikan dengan kerja-kerja kepengarangan, di samping melahirkan lebih ramai editor, penyunting dan penulis tanah air yang berkualiti dan kompeten.

Perasmian bengkel ini disempurnakan oleh Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Dalam ucapannya, Dayang Hajah Haireni menjelaskan, DBP terus komited mengungkayahkan pelbagai inisiatif ke arah meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bahasa, sastera dan budaya Melayu, seterusnya meningkatkan kemahiran dan potensi masyarakat.

Pengungkayahan bengkel ini tambahnya, diharapkan akan mampu melahirkan editor, pengarang dan penyemak yang dapat menguasai serta memiliki pengetahuan tatabahasa bahasa Melayu dengan baik dan betul.

"Ini bermakna keupayaan menguasai pengetahuan

tatabahasa bahasa Melayu tersebut secara tidak langsung akan menghasilkan penyuntingan dan penulisan yang berkesan serta berkualiti," ujarnya.

Bengkel dikendalikan oleh Penolong Profesor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hasmidar binti Hassan selaku fasilitator bengkel.

Antara pengisian bengkel mencakupi bidang Morfologi, Sintaksis, Semantik terutama dalam aspek ejaan dan pembinaan ayat yang gramatis, kaedah penulisan terkini dan mengenal pasti kelemahan dan kesalahan yang lazim dilakukan dalam penyuntingan dan penulisan.

Manakala peserta bengkel terdiri daripada pegawai-pegawai dan warga kerja DBP, Radio Televisyen Brunei (RTB) dan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, yang berkapsiti sebagai penyunting manuskrip atau terbitan mana-mana keluaran, iaitu sebagai



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit semasa berucap.

penyegaran semula dan nilai tambah dalam kerja-kerja dan tugas yang dilaksanakan bagi usaha meningkatkan mutu dan kualiti kerja.

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA

کمئٹریٰ کسیحیت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI DARI 40% SODIUM



- 1
- 2
- 3
- 4
- 5

- Pilih makanan segar dan tidak berproses
- Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat
- Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

	1385 mg	1000 mg	880 mg
1 bungkus Mee Segera			
Sebijik Telur Masin			
3 sudu makan Kicap			
376 mg			
295 mg			
243 mg			
1 bungkus kecil Keropok Ubi Kentang			
120 mg			
116 mg			
1 cawan Kentang Goreng			
Segenggam Kacang Tanah (Salted)			
2.4 mg			
1.7 mg			
1.2 mg			
1/2 cawan Amping			
Segenggam Kacang Tanah (Unsalted)			
Sebijik ukuran sederhana Pisang			

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



@ hpcbrunei

f Health Promotion Centre

Talian Darussalam 123

SUMBANGAN DERMA UNTUK TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA

Siaran Akbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari. - Majlis Pelajar (MP) Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur menyerahkan sumbangan cek untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 berjumlah BND583.20 hasil daripada kejayaan aktiviti jualan kek mereka.

Majlis berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Mewakili Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur ialah Pengetua Sekolah Rendah, Lena Khatun bersama 12 wakil daripada MP yang terdiri daripada pelajar dari Tahun 1 hingga Tahun 8.

Hadir mewakili pihak KKBS bagi menerima cek berkenaan ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

Kehadiran mereka menyelaraskan lagi usaha kolektif seluruh warga sekolah dalam menyokong usaha murni berkenaan. Sumbangan berkenaan mencerminkan komitmen pelajar terhadap solidariti global dan sokongan kepada mereka yang memerlukan.

Jualan kek yang diadakan sebagai sebahagian daripada

inisiatif sekolah untuk mempromosi pemberian komuniti, memperkenalkan dedikasi pemimpin muda untuk tujuan yang bermakna.

Dalam ucapan pembukaannya, Pengurus Pemasaran & IT, Awang Md. Yamin bin Abd. Hamid menekankan kepentingan menyemai kebaikan yang boleh dicontohi pelajar.

"Matlamat kami adalah untuk menerapkan di sekolah bukan sahaja nilai kebaikan, tetapi kepentingan melakukan sesuatu yang memberi makna."

"Melalui usaha mereka dalam menganjurkan jualan kek itu, para pelajar berjaya mengumpul jumlah wang, walaupun sederhana, menunjukkan sifat dedikasi dan niat bermatlamat mereka," katanya.

Sementara itu, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat dalam ucapannya pula memuji usaha pelajar Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur yang benar-benar menjawai dan menanamkan dalam diri anak-anak kepentingan bertindak.

"Ini menandakan organisasi pertama membuat sumbangan tahun ini dan inisiatif kedua dari Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur. Dedikasi mereka menunjukkan contoh yang



MAJLIS Pelajar Sekolah Antarabangsa Islam Miftah An-Nur menyerahkan sumbangan cek kepada Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

memberi inspirasi," ujarnya lagi.

Semasa acara berkenaan, para pelajar berpeluang berkongsi pengalaman dan penerimaan mereka, seterusnya menekankan komitmen mereka

terhadap usaha kemanusiaan dan memberi inspirasi kepada orang lain dalam masyarakat untuk mencontoh usaha mereka.

Orang ramai yang terinspirasi dengan usaha Sekolah

Antarabangsa Islam Miftah An-Nur dan ingin mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif mereka boleh menghubungi dan mengikuti perjalanan mereka di Instagram di @miftah.annur.

NBD raih kedudukan ke-13 dalam IFDI 2024

Siaran Akbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menduduki tempat ke-13 daripada 136 negara secara global dalam Islamic Finance Development Report 2024 : From Niche to Norm.

Dengan peningkatan kedudukan ini, NBD kembali untuk mengambil tempat 15 negara teratas di dalam carta penunjuk perkembangan sektor kewangan Islam tersebut.

Laporan ini telah menunjukkan bahawa NBD mencapai 29 mata dalam Islamic Finance Development Indicator (IFDI) 2024, iaitu composite weighted index yang mengukur tahap perkembangan industri kewangan Islam berdasarkan data tahun 2023.

Di samping itu, markah purata global juga telah meningkat kepada 12 mata bagi IFDI 2024 berbanding sembilan mata dalam laporan tahun sebelumnya. Ini

ialah penunjuk yang positif bagi perkembangan industri kewangan Islam secara menyeluruh.

Di dalam laporan IFDI 2024, lima penunjuk utama telah dikenangkan iaitu prestasi kewangan, urus tadbir, kelestarian, pengetahuan dan kesedaran. Bagi tahun 2023, Malaysia dan Arab Saudi telah mengekalkan kedudukan sebagai dua pasaran kewangan Islam teratas secara keseluruhan, dengan Emiriah Arab Bersatu di tempat ketiga, menggantikan Republik Indonesia.

Di samping itu, penunjuk IFDI ini juga menggambarkan bahawa industri kewangan Islam global kekal stabil dan berdaya tahan dengan peningkatan jumlah aset sebanyak 11 peratus daripada USD4.5 trillion pada tahun 2022 kepada USD4.9 trillion pada tahun 2023.

Prestasi ini telah didorong oleh peningkatan yang ketara di

beberapa sektor utama iaitu pertumbuhan sebanyak 12 peratus dalam perbankan Islam pada tahun 2023, mencecah USD3.6 trilion dalam aset, dengan Afghanistan, Iraq, dan Bahrain mendahului dalam kadar pertumbuhan; peningkatan sebanyak sembilan peratus dalam pasaran sukuk, didorong oleh peningkatan pengeluaran sovereign untuk mengekalkan keluk hasil (yield curves) dalam pasaran utama, penerbitan yang tinggi daripada pasaran bukan tradisional, dan peningkatan ketara dalam penerbitan sukuk hijau dan lestari, menjadikan jumlah keseluruhan tertinggak kepada USD863 bilion; dan pertumbuhan pada kadar yang sederhana dalam sektor takaful dengan jumlah keseluruhan aset sebanyak USD86 bilion.

Pertumbuhan yang perlahan ini disebabkan oleh persaingan dalam kepelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Sektor Insurans dan kesan

dari pada dasar monetari yang ketar.

Dari segi jumlah aset kewangan Islam global, perbankan Islam terus menguasai keseluruhan aset kewangan Islam, memegang 73 peratus daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2023, diikuti oleh sukuk sebanyak 18 peratus, dana Islam pada lima peratus, institusi kewangan Islam lain (OIFI) pada tiga peratus dan takaful pada dua peratus.

IFDI telah mengunjurkan bahawa jumlah aset Sektor Kewangan Islam di peringkat global akan mencecah USD7.5 trilion pada 2028. Ini menunjukkan potensi pertumbuhan yang mampan bagi sektor tersebut.

Bagi laporan IFDI 2024 ini, markah penunjuk prestasi kewangan bagi NBD telah kekal pada 11 mata. Walau bagaimanapun, peningkatan yang ketara telah direkodkan dalam sub-penunjuk takaful dan sukuk.

NBD juga telah mendapat tempat

ke-10 dalam sub-penunjuk aset bagi OIFI di bawah penunjuk Prestasi Kewangan. Dari segi urus tadbir, NBD telah mengekalkan markah penuh untuk sub-penunjuk peraturan yang menyumbang kepada peningkatan ketara dalam markah keseluruhan urus tadbir daripada 59 mata dalam IFDI 2023 kepada 71 mata dalam IFDI 2024.

Selain daripada itu, penunjuk kesedaran dan kelestarian juga telah mencatatkan peningkatan, dengan markah kesedaran meningkat daripada 16 kepada 24 mata dan markah kelestarian meningkat daripada 13 kepada 14 mata.

Laporan penuh Islamic Finance Development Report 2024 : From Niche to Norm boleh didapati di laman web Zawya by LSEG di www.zawya.com, atau melalui pautan : <https://www.zawya.com/en/economy/islamic-reports/islamic-finance-development-report-2024-from-niche-to-norm-pwqeoqow>.

PENTING

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERLUKAN

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak lengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanda gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

BARU

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak meneati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.

Dapat dimuatnaik hanya setelah anda mengisi maklumat profil dengan lengkap dan betul.
 Setiap maklumat yang dimuatnaik semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak meneati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.
 Maklumat yang dimuatnaik semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak meneati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

Tuntutan Diam Sebelum Dan Selepas Membaca Surah Dalam Sembahyang

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MEMBACA surah atau ayat al-Qur'an selepas membaca surah al-Fatiyah merupakan salah satu sunat *hai'at* dalam sembahyang. Hukum mengerjakannya adalah sunat kerana *ittiba'* (mengikut perbuatan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam) dan makruh meninggalkannya. Jika seseorang tidak membaca surah atau ayat al-Qur'an selepas membaca surah al-Fatiyah, maka dia tidak disunatkan untuk mengerjakan sujud *sahwi*.

Apabila seseorang membaca surah atau ayat al-Qur'an selepas membaca surah al-Fatiyah dan bacaan amin, ada kalanya dia terus membaca surah atau ayat al-Qur'an tanpa diam sekutik. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, terdapat beberapa tempat dalam mengerjakan sembahyang disunatkan diam sebagaimana yang disebut dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*:

Ertinya : *Disunatkan diam sebentar dan diukur (diam itu) dengan kadar (bacaan) Subhanallah, (sunat diam itu) di antara takbiratulihram dengan doa iftitah, di antaranya (doa iftitah) dengan ta'awwudz, di antaranya (ta'awwudz) dengan basmalah, di antara akhir surah al-Fatiyah dengan bacaan amin, di antara bacaan amin dengan surah jika dia membacanya, dan di antara akhirnya (bacaan surah) dengan takbir ruku'. Jika dia tidak membaca surah, maka (sunat diam) di antara bacaan amin dengan (takbir) ruku'.*

"JIKA imam pada sembahyang jahriyyah menyibukkan dirinya dengan bacaan al-Qur'an ketika dia diam, imam dituntut supaya menjaga susunan surah atau ayat al-Qur'an yang dibacanya mengikut tertib dalam mushaf dan juga menjaga tuntutan sunat muwalah (berturut-turut) pada bacaan al-Qur'an ketika diam".

"ADAPUN imam bagi sembahyang jahriyyah, sunat ke atasnya memanjangkan kadar diam itu pada kadar tempoh bacaan surah al-Fatiyah maknum jika imam tersebut mengetahui bahawa maknum membaca surah al-Fatiyah ketika dia diam. Bahawa maknum membaca surah al-Fatiyah ketika dia diam".

Berkaitan dengan tuntutan diam sebelum dan selepas membaca surah atau ayat al-Qur'an dalam sembahyang ini, jika dilakukan akan meraih pahala tuntutan sunat. Maka, Irsyad Hukum kali ini akan memberi penjelasan mengenai bagaimana melaksanakan tuntutan sunat diam sebelum dan selepas membaca surah atau ayat al-Qur'an dalam sembahyang.

Sebelum membaca surah atau ayat al-Qur'an, sunat diam sebentar sekadar tempoh bacaan tasbih "Subhanallah" selepas bacaan amin (آمين) kerana membezakan bacaan amin dari bacaan surah atau ayat al-Qur'an. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* ketika mensyarah kitab al-Muqaddimah al-Hadhramiyyah dalam kitabnya *al-Manhaj al-Qawim* berkata:

Ertinya : *Dan disunatkan diam sebentar di antara akhir surah al-Fatiyah dengan bacaan amin bagi membezakan (bacaan amin) daripada al-Qur'an, dan di antara bacaan amin dengan surah begitu juga (diam sebentar).*

Adapun imam bagi sembahyang

jahriyyah, sunat ke atasnya memanjangkan kadar diam itu pada kadar tempoh bacaan surah al-Fatiyah maknum jika imam tersebut mengetahui bahawa maknum membaca surah al-Fatiyah ketika dia diam. Sunat juga bagi imam ketika dia diam itu menyibukkan dirinya dengan bacaan doa, zikir atau al-Qur'an dengan bacaan yang *sirr* (suara yang perlakan). Menyibukkan dirinya dengan bacaan al-Qur'an itu adalah lebih utama. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj* menjelaskan:

Ertinya : *Dan disunatkan bagi imam untuk diam (di antara bacaan amin dengan surah) pada sembahyang jahriyyah dengan kadar bacaan surah al-Fatiyah maknum jika dia (imam) mengetahui bahawa dia (maknum) membacanya (surah al-Fatiyah) dalam diamnya (diam imam) sebagaimana yang zahir, dan (disunatkan bagi imam) untuk menyibukkan diri dalam diam ini dengan doa (atau zikir) atau bacaan (al-Qur'an), dan ia (bacaan al-Qur'an) adalah lebih utama.*

Jika imam pada sembahyang *jahriyyah* menyibukkan dirinya dengan bacaan al-Qur'an ketika dia diam, imam dituntut supaya menjaga susunan surah atau ayat al-Qur'an yang dibacanya mengikut tertib dalam mushaf dan juga menjaga tuntutan sunat *muwalah* (berturut-turut) pada bacaan al-Qur'an ketika diam.

Kemudian apabila dia hendak membaca surah atau ayat al-Qur'an secara *jahr*, imam juga dituntut untuk menjaga susunan dan *muwalah* antara surah atau ayat al-Qur'an yang dibacanya ketika diam dengan surah atau ayat yang hendak dibaca secara *jahr*. As-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* ketika mensyarah perkataan Imam al-Malibari

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلؤان فوسة دعوه اسلاميه

MAHA Suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (Baitulmuqaddis di Palestin), yang Kami berkatikan sekelilingnya supaya Kami memperlihatkan kepada mereka sebahagian daripada tanda-tanda (kebesaran dan kekuasaan) Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat". Surah al-Isra': 1

Israk Mikraj berlaku dalam bulan Rejab yang merupakan perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidilharam ke Masjidil Aqsa seterusnya diangkat pula ke Sidratulmuntaha. Peristiwa Israk Mikraj juga merupakan salah satu mukjizat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sesungguhnya peristiwa yang telah diperlihatkan kepada Baginda pada malam Israk Mikraj sebenarnya sebagai peringatan kepada umat Islam agar menghindarkan diri mereka daripada perkara-perkara yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan juga rasul-Nya.

Kita sewajarnya berasa takut dengan

Mempercayai peristiwa Israk Mikraj

peristiwa yang telah ditunjukkan dan seterusnya menjadikan kita sentiasa berusaha untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sekalipun kita tidak pernah diberikan peluang untuk melihat sendiri peristiwa-peristiwa tersebut, namun kita meyakini bahawa setiap perkara yang dikhabarkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah benar kesemuanya.

Peristiwa ini bukanlah hanya satu sejarah agung yang menjadi ristaan sepanjang zaman. Ia merupakan suatu gambaran beberapa aspek penting dalam kehidupan manusia hari ini dan mengandungi pelbagai pengajaran.

Namun, masyarakat kita hari ini seolah-olah tidak mengambil peduli dengan peringatan-peringatan daripada peristiwa Israk dan Mikraj. Sebilangan masyarakat Islam kini sudah berasa selesa walaupun sering meninggalkan sembahyang yang telah difardukan ke atas mereka. Sebahagian yang lain pula sentiasa sibuk dengan urusan-urusan perniagaan dan urusan-urusan kerja ketika umat Islam yang lain sentiasa patuh mengerjakan tuntutan sembahyang.

"Maka mereka kemudiannya digantikan oleh generasi (jahat) yang mencuaikan sembahyang dan menurut hawa nafsu

(dengan melakukan maksiat) maka mereka akan menghadapi kecelakaan (azab pada Hari Kiamat)".

Surah Maryam : 59


Allah Subhanahu Wata'ala juga telah berfirman tentang peristiwa Mikraj iaitu ketika Baginda naik ke langit, dalam Surah an-Najm ayat 13-18 tafsirnya :

"Dan demi sesungguhnya dia telah melihat Jibril (dengan rupanya yang asal) sekali lagi. (laitu) di Sidratulmuntaha. Di sisi Sidratulmuntaha itu ada Jannatulma'wa (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melihat Jibril) ketika Sidratulmuntaha itu ditutupi oleh sesuatu yang menutupinya. Penglihatannya itu tidak menyimpang (daripada apa yang dilihatnya) dan tidak pula melampaui batas. Demi sesungguhnya dia telah melihat sebahagian tanda kekuasaan

Tuhan yang sangat besar".

Berdasarkan ayat di atas jelas menunjukkan bahawa peristiwa Israk dan Mikraj benar-benar dilalui oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasad baginda, dalam keadaan sedar dan bukan hanya igauan mimpi semata-mata. Justeru, kita wajib meyakini dengan sepenuh hati bahawa Israk dan Mikraj adalah benar-benar berlaku kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dengan kuasa dan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala bagi memperlihatkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam perkara-perkara yang mengandungi pengajaran dan yang utama sekali ialah mengenai memfardukan ibadat sembahyang lima waktu yang kita tunaikan semata - mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala juga.

"NAMUN masyarakat kita hari ini seolah-olah tidak mengambil peduli dengan peringatan-peringatan daripada peristiwa Israk dan Mikraj. Sebilangan masyarakat Islam kini sudah merasa selesa walaupun sering meninggalkan sembahyang yang telah difardukan ke atas mereka. Sebahagian yang lain pula sentiasa sibuk dengan urusan-urusan perniagaan dan urusan-urusan kerja ketika umat Islam yang lain sentiasa patuh mengerjakan tuntutan sembahyang".



Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

Rahimahullah dalam kitabnya 'Anath ath-Thalibin menyebut:

Ertinya : Ketika dia (imam) menyibukkan diri dengan bacaan (al-Qur'an) maka yang zahir (dia dituntut) menjaga susunan (sebagaimana dalam mushaf) dan muwalah (berturut-turut) di antara bacaan (ketika diam) secara perlahan dengan apa yang dibacanya secara jahr selepas bacaan ini (ketika diam). Dan yang demikian itu kerana tuntutan sunat itu membaca (al-Qur'an) mengikut susunan mushaf dan muwalah (berturut-turut).

Sebagai contoh, ketika diam, imam membaca surah al-Kafirun dengan suara perlakan. Apabila dia hendak membaca surah setelah tamat tempoh diam, sunat bagi imam membaca surah yang menurut susunannya selepas surah al-Kafirun iaitu surah an-Nashr dengan suara nyaring bagi melaksanakan tuntutan sunat membaca mengikut susunan surah atau ayat al-Qur'an dan juga memelihara tuntutan sunat muwalah (berturut-turut) pada bacaan.

Selain itu, disunatkan juga untuk diam sebentar pada kadar bacaan tasbih "Subhanallah" selepas membaca surah atau ayat al-Qur'an dan sebelum takbir untuk mengerjakan ruku' bagi membezakan antara bacaan surah atau ayat al-Qur'an dengan bacaan takbir ruku'.

Demikian penjelasan mengenai tuntutan diam sebelum dan selepas membaca surah dalam sembahyang.

EKSPO PENGAJIAN TINGGI, 8-9 FEBRUARI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 21 Januari. - Ekspo Pengajian Tinggi Kali Ke-10, 2025 akan diadakan selama dua hari iaitu pada 8 dan 9 Februari 2025 bertempat di Dewan 1 dan 2, BRIDEX, Jerudong.

Pada Sabtu, 8 Februari 2025 ekspo mula dibuka kepada orang ramai pada pukul 10.00 pagi hingga pukul 5.00 petang. Manakala pada Ahad, 9 Februari 2025, ekspo akan bermula pada pukul 9.00 pagi hingga pukul 5.00 petang.

Perkara demikian dijelaskan oleh Penolong Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dayang Dina Roslina binti Haji Aliuddin, yang juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama Projek Ekspo Pengajian Tinggi 2025 semasa Sidang Media bagi ekspo berkenaan berlangsung di Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan, hari ini.

Menurutnya, ekspo berkenaan diungkayahkan dengan tujuan untuk menyediakan Pusat Informasi Sehenti (One Stop Information Centre) Pengajian Tinggi di mana institusi-institusi daripada pengajian pasca menengah, pengajian tinggi awam dan swasta serta agensi-agensi sektor pendidikan dalam dan luar negeri untuk memberikan prospek pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi yang terdapat di dalam negara dan antarabangsa.

"Ekspo ini akan memberikan peluang kepada orang ramai khususnya pelajar untuk bersemuka dengan pihak institusi pengajian tinggi serta agensi-agensi Sektor Pendidikan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan," ujarnya.

Setakat hari ini jelasnya, jumlah institusi pengajian tinggi, agensi perkhidmatan pendidikan dan juga agensi-agensi kerajaan dan swasta yang menyertai ekspo tersebut adalah sebanyak 65 buah, iaitu terdiri daripada 15 institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam negeri, 26 agensi dan institusi dari luar negara, empat daripada kedutaan dan 20 agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Beliau seterusnya menyatakan bahawa penyertaan daripada Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam Negara Brunei Darussalam adalah seperti Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Politeknik Brunei (PB), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pusat Pembangunan Belia (PPB).

Tambahnya, penyertaan

Permohonan SBPP Sesi 2025/2026 dibukakan

Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN,
 Isnin, 20 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa memaklumkan bahawa permohonan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) bagi Sesi Akademik 2025/2026 akan dibuka bermula pada Selasa, 21 Januari 2025 jam 8.30 pagi dan akan ditutup pada hari Selasa, 25 Februari 2025 jam 4.00 petang.

Pemohon yang berminat adalah

dikehendaki untuk memohon sekurang-sekurangnya satu program yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi awam dalam negeri melalui permohonan dalam talian Higher Education Centralised Admission System (HECAS).

Pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan borang permohonan (*softcopy*) yang telah lengkap diisikan berserta dokumen berkaitan melalui e-mel sbpp@moe.gov.bn di samping

menghadapkan salinan fizikal (*hardcopy*) dokumen yang berkaitan termasuk borang permohonan SBPP dan HECAS ke Kaunter 3, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Pusat Perkhidmatan Setempat, Blok 'C', Aras Bawah, Kementerian Pendidikan sebelum atau tidak lewat dari tarikh tutup permohonan SBPP.

Dalam siaran akbar Kementerian Pendidikan juga memaklumkan bahawa permohonan SBPP hanya akan

ditawarkan sekali setahun sahaja.

Pemohon yang belum memperoleh keputusan rasmi adalah dikehendaki untuk menghadapkan keputusan ramalan (*predicted results*) yang dikeluarkan oleh sekolah atau institusi masing-masing.

Walau bagaimanapun, keputusan permohonan SBPP adalah tertakluk kepada keputusan rasmi yang akan diperoleh nanti.

Borang permohonan boleh didapati melalui laman sesawang

Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan menerusi talian telefon pejabat +673 2380019 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu, jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang) atau melalui e-mel sbpp@moe.gov.bn dan scholarship@moe.gov.bn.



PEMANGKU Penolong Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dayang Dina Roslina binti Haji Aliuddin, yang juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama Projek Ekspo Pengajian Tinggi 2025 semasa Sidang Media bagi ekspo berkenaan berlangsung di Ibu Pejabat Kementerian Pendidikan.

Institusi-institusi Pengajian Tinggi Swasta pula, Kolej International Graduate Studies (KIGS), Laksamana College of Business (LCB), HADtech College (HTC), Jerudong Park Medical Centre College of Health Sciences (JCHS), Cosmopolitan College of Commerce and Technology (CCCT), Kemuda Institute (KI), Micronet International College (MIC), Mahakarya Institute of Arts Asia (MIAA) dan Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants Academy Sdn. Bhd. (BICPA).

Beliau seterusnya menjelaskan, 24 institusi dari luar negara terdiri dari University College Dublin dan Irish Universities and Medical Schools Consortium dari Ireland; Okayama University dari Jepun; Management and Science University dari Malaysia; Singapore Management University dari Singapura; TOBB University of Economics and Technology dan Istanbul Beykent University dari Turkiye dan Cranfield University dan University of Exeter dari England.

"Ada juga beberapa institusi yang diwakili oleh / bekerjasama dengan Agensi Perkhidmatan Pendidikan (Education Service Agencies), yang mana lima institusi diwakili oleh Findlay (B) Sdn. Bhd. dan 10 institusi diwakili oleh Education Malaysia Global Services.

"Semasa Ekspo Pengajian Tinggi berlangsung, Kementerian Pendidikan juga akan mengongsikan maklumat-maklumat terkini seperti Sistem Pusat Kemasukan ke Pengajian Tinggi atau Higher Education Centralized Admission System (HECAS), biasiswa-biasiswa kerajaan, Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan," katanya lagi.

Di antara jabatan-jabatan di bawah kawalan Kementerian

Pendidikan yang menyertai ekspo itu nanti tambahnya, adalah Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Unit Kaunseling dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Pengurusan Pendidik dan Pusat Inovasi Keusahawanan (EIC).

Beliau menambah, antara yang turut menyertai ekspo berkenaan adalah Pejabat Perancangan Tenaga Manusia dan Pusat Pekerjaan Brunei dari Jabatan Perdana Menteri, sementara penyertaan daripada kedutaankedutaan, dalam ekspo adalah Kedutaan Jepun; Kedutaan Amerika Syarikat - EducationUSA; Kedutaan Switzerland dan Australian High Commission, Malaysia.

Sementara itu, katanya lagi, agensi-agensi swasta yang turut serta adalah Brunei Shell Petroleum, Bank Islam Brunei Darussalam, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei Group of Companies, Imagine Sdn. Bhd., Royal Brunei Airline Sdn. Bhd., Paradigm Scholar Agency, Findlay (B) Sdn. Bhd., HRDS Educational Services, MEG Educational Services, James Hon Educational Services dan Avicenna Resources.

"Ekspo ini adalah dibuka kepada orang awam, khususnya pelajar lepasan menengah (lepasan Brunei - Cambridge GCE 'O' Level) dan prauniversiti (Brunei - Cambridge GCE 'A' Level) atau yang berkelulusan sebanding dengannya yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi termasuk mereka yang ingin mengembangkan kemahiran secara *upskilling* (meningkatkan kemahiran yang ada) dan *reskilling* (mempelajari kemahiran baharu yang lain).

"InsyaaAllah, pihak

institusi akan mengongsikan program-program seperti National Technical Education Certificate (NTec), Higher National Technical Education Certificate (HNTec), Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana sehingga Program Ijazah Kedoktoran," terangnya.

Beliau seterusnya mengongsikan antara faedah menyertai ekspo itu adalah mengetahui tatacara permohonan ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi; mendapatkan bimbingan daripada pakar pengajian tinggi; berpeluang untuk berinteraksi secara bersemuka dengan wakil pengajian tinggi; dan mendapatkan maklumat tentang peluang biasiswa.

Untuk makluman, ekspo berkenaan akan menyediakan kemudahan letak kereta dan

perkhidmatan bas ulang-alik (*shuttle bus*) yang bertempat di Letak Kereta Jerudong Park Amphitheatre di mana papan-papan tanda akan disediakan bagi menunjukkan tempat letak kereta dan perkhidmatan bas ulang-alik (*shuttle bus*).

Orang ramai boleh mendapatkan peta kedudukan lokasi perkhidmatan berkenaan di dalam laman sesawang Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Tinggi.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai ekspo tersebut boleh melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di <https://moe.gov.bn> dan melalui akaun Instagram @moe_brunei dan @hiedbrunei.

جاین قرانخانہ ایکونومی دان ستائیسٹیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL FILHAL PENGELUARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"
"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinkukan ni?"
"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"
"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Pemidaagan-ke-Pengguna

Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN,
 Isnin, 20 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa memaklumkan bahawa permohonan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) bagi Sesi Akademik 2025/2026 akan dibuka bermula pada Selasa, 21 Januari 2025 jam 8.30 pagi dan akan ditutup pada hari Selasa, 25 Februari 2025 jam 4.00 petang.

Pemohon yang berminat adalah

دعا ممohen كفـد الله سقـاي قـرسـلامـة

درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـيـاـكـيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنْنَا وَبِاللَّهِ
أَحْتَسِنْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَاجْبَرُوْتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَبَبِي
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan ania). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدًا سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَلِكَ الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُمْ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۖ

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ الْحُوَاجُ، وَتُثَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَالِمِ، وَيُسْتَسْقَى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٌ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدُكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبْوُءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبْوُءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بِچاءِنْ يَعْ مُبَاوا كِبَراً وَنَتوْغُنْ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْد قَعْمَلَنْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurnikannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَسِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
VI (V & VI)
Sahaja

Kategori :
KA01 – Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
11 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
11 Mac 2025.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 002 / 2025 –
(CDE).T.VI

Nama Projek:
Kerja-Kerja Mengorek
dan Melebarkan
Sungai-Sungai Utama,
Anak-Anak Sungai dan Kolam
di Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND2000.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00

Kelas :
IV (IV & V)
Sahaja

Kategori :
KA01 & M03
– Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
11 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 Mac 2025.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 003 / 2025 –
(SEW).T.IV

Nama Projek:
Pemulihan Kemudahan
Clarifier Sedia Ada di
Loji Rawatan Kumbahan Lugu,
Lumapas dan Panchor

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen :
BND5.00



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(IV & V Sahaja)

Kategori:
[M03 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
11 Februari 2025.
(Selasa)

Tarikh Tutup :
25 Februari 2025.
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam :
2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 004 / 2025

Nama Projek:
Membekal dan Mengganti Pam
Kimia, Switchboard dan Air
Blower bagi Loji Rawatan Air
Bukit di Peringkat 4 dan 5

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III, IV & V

Kategori:
E01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa,
4 Februari 2025.

Tarikh Tutup :
Selasa,
18 Februari 2025.
Tidak Lewat dari
Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 05 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Terma Bagi
Kerja-Kerja Pemeliharaan
Elektrikal Untuk Flat-Flat
Dan Kediaman Kerajaan
(Zon 'F') Bagi Tempoh
Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



UNISSA / SB0070 / 2024 / 2025 –
Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing,
Commissioning, Warranty and
Maintenance of RFID
(Radio Frequency Identification)
System for Universiti Islam Sultan
Sharif Ali (UNISSA) Library

UNISSA / SB0071 / 2024 / 2025 –
Supply and Deliver Heavy Duty
Paper Cutting / Trimming Machine
for Centre Of Research and
Publication, Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0072 / 2024 / 2025 –
To Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing and
Commissioning of P.A. System
for Auditorium & Surau Sinaut
Campus Universiti Islam Sultan
Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0074 / 2024 / 2025 –
Supply, Delivery, Installation,
Testing, Commissioning and
Training of Accounting System for
Tabung Universiti Islam Sultan
Sharif Ali (UNISSA) Finance

Tarikh Tutup Tawaran:
Sabtu,
15 Februari 2025.
2.00 Petang.



UNISSA / SB0073 / 2024 / 2025 –
Provision of Building Repair
Works at Universiti Islam Sultan
Sharif Ali (UNISSA) – [Class:
1 & Above] & [Category: B01]

Tarikh Tutup Tawaran:
Sabtu, 15 Februari 2025.
2.00 Petang.



JPH
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Tawaran:
JPH / 1207-003 / TAW /
394 / 2024-2025
Membekal Anak Benih Hutan Bagi
Projek Penghijauan di Zon A,
Hutan Simpan Berakas
Dibuka kepada
penender-penender yang
berdaftar di Kementerian
Pembangunan dalam Kelas II
ke atas dalam Sub-Kategori
KPB12 - Lanskap

Tawaran:
JPH / 1207-003 / TAW /
395 / 2024-2025
Projek Penghijauan Di Zon A,
Hutan Simpan Berakas
Dibuka kepada
penender-penender yang
berdaftar di Kementerian
Pembangunan dalam
Kelas II ke atas

Borang Pendaftaran Syarikat
(jika belum berdaftar):
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
JPH / 1207-003 / TAW /
394 / 2024-2025
Membekal Anak Benih Hutan Bagi
Projek Penghijauan Di Zon A,
Hutan Simpan Berakas –
BND105.00

JPH / 1207-003 / TAW / 395 /
2024-2025
Projek Penghijauan Di Zon A,
Hutan Simpan Berakas –
BND105.00

-Tidak Dikembalikan-

Tarikh Tutup Tawaran:
Sabtu, 18 Februari 2025.
2.00 Petang.



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran:
12 / SEPT / 2024 / KKBS / HSSE /
SECURITY / MN / JMM(R)

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perkhidmatan
Kawalan Keselamatan Tempoh
Tiga Puluh Enam (36) Bulan
Bagi Bangunan Muzium Negara,
Jalan Kota Batu,
Jabatan Muzium-Muzium,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam
(Retender)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 28 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 21 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Membekal
Dan Memasang Khemah
Bagi Upacara Menaikan Dan
Menurunkan Bendera Negara
Sempena Sambutan Ulang Tahun
Hari Kebangsaan Negara Brunei
Darussalam Yang Ke-41 Tahun
Bagi Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Isnin,
3 Februari 2025.
Jam 2.00
Petang.

Bilangan Tawaran:
JDT / BPP / 02 /
2024 - 2025

Tajuk Tawaran:
Pengurusan dan
Pengendalian Gerai
Ramadan 1446H / 2025M
Bagi Jabatan Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin,
3 Februari 2025.
Jam 2.00
Petang.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan

MOE / LTK / 106 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1.Sekolah Rendah Panglima Berudin, Limau Manis
2.Sekolah Rendah Masin Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara.
Kod Blok : SM / 23
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 107 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1.Sekolah Rendah Bebuloh
2.Sekolah Rendah Kasat
3.Sekolah Rendah Putat
4.Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol
5.Sekolah Rendah Tanjong Kindana Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara.
Kod Blok : SM / 27
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 108 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi :
1.Sekolah Rendah Panchong
2.Sekolah Rendah Benutan Kementerian Pendidikan, Daerah Tutong.
Kod Blok : MKN / 03
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 106 / 2024 / 2025 Hingga MOE / LTK / 108 / 2024 / 2025 :
BND50.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 109 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1.Sekolah Rendah Berakas Garrison
2.Sekolah Rendah Pantai Berakas Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara.
Kod Blok : SM / 08
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

MOE / LTK / 110 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan :
1.Sekolah Rendah Lamunin
2.Sekolah Rendah Rambai Kementerian Pendidikan. Daerah Tutong.
Kod Blok : PH/T5
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 111 / 2024 / 2025 :
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 109 / 2024 / 2025 Dan MOE / LTK / 110 / 2024 / 2025 :
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 111 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

KEMENTERIAN PERTAHANAN



KEMENTERIAN PERTAHANAN

(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

Kategori :
B01, E01

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :
BND100.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran :
5 Februari 2025.
(Rabu)
Jam 2.45 Petang.

Tarikh Tutup Dan Waktu :
11 Februari 2025 - Selasa.
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0056 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning of Ultra Low Freezer for Aquatic Animal Health Laboratory Services Center, Department of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0057 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Technical Service for Supply and Delivery, Preventive Maintenance and Part Replacement on Fume hood And Biohazard Safety Cabinets in Accordance to Manufacturer's Specification

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
6 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 197 (5) Supply Of Ration Food Packet for The Royal Brunei Armed Forces – Five (5) Years Contract

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah
Selasa,
25 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa.
11 Mac 2025.
2.00 Petang.



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 253(3) Transportation Services To Ferry Gurkha School Children For Gurkha Security Unit (GSU) – Five (5) Years Contract With An Option Of Three (3) Years Extension

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah Isnin, 13 Januari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
28 Januari 2025.
2.00 Petang.



HARI-HARI KELEPASAN AWAM	WAKTU OPERASI	WAKTU TUTUP KAUNTER TIKET
ISRA' & MI'RAJ 3 Hari Isnin - Rabu, 27-29 Rejab 1446 27-29 Januari 2025	9.00 pagi - 5.00 petang	4.00 petang
HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 3 Hari Ahad, 24 Syaban 1446 23 Februari 2025 Isnin - Selasa, 25 - 26 Syaban 1446 24 - 25 Februari 2025	1.30 petang - 5.00 petang 9.00 pagi - 5.00 petang	4.00 petang
MEMPERINGATI NUZUL AL-QUR'AN 3 Hari Selasa - Kamis, 17-19 Ramadhan 1446 18-20 Mac 2025	9.00 pagi - 3.00 petang	2.00 petang
10 HARI TERAKHIR BULAN RAMADHAN 1446 9 Hari 21 - 30 Ramadhan 1446 22 Mac - 31 Mac 2025 (Kecuali Hari Jumaat)	9.00 pagi - 3.00 petang	2.00 petang
AWAL TAHUN HIJRIAH 1447 3 Hari Sabtu - Isnin, 2 - 4 Muharram 1447 28-30 Jun 2025	9.00 pagi - 5.00 petang	4.00 petang
HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-79 TAHUN 3 Hari Selasa, 19 Muharram 1447 15 Julai 2025 Rabu-Khamis, 20-21 Muharram 1447 16-17 Julai 2025	1.30 petang - 5.00 petang 9.00 pagi - 5.00 petang	4.00 petang
01-29 RABIULAWAL 1447 25 Hari 25 Ogos - 23 September 2025 (Kecuali Jumaat)	9.00 pagi - 5.00 petang	4.00 petang
MAULUD NABI MUHAMMAD ﷺ 1 Hari Sabtu, 13 Rabuulawal 1447 6 September 2025 (Sebagai gantikan kelepasan selama pada Jumaat, 5 September 2025)	1.30 petang - 5.00 petang	4.00 petang



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk dan Bilangan Tawaran :
Term Contract For Twelve (12) Months Maintenance Of External Piping And Associated Works At Department Of Civil Aviation - FSOR AME / 2024-2025 / SH-52 / R (Kelas I atau II ke atas)

Tajuk dan Bilangan Tawaran :
Kontrak Bermusim Kerja-Kerja Landskap di Kawasan Airside Whiskey 1, Whiskey 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Bagi Tempoh 12 Bulan AME / 2025-2026 / SH-01 (Kelas II atau ke atas)

Tajuk dan Bilangan Tawaran :
Kontrak Bermusim Kerja-Kerja Landskap di Kawasan Airside Whiskey 3, Whiskey 4, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Bagi Tempoh 12 Bulan AME / 2025-2026 / SH-02 (Kelas II atau ke atas)

Tajuk dan Bilangan Tawaran :
Term Contract For One (1) Year Road Repair Works To Runway, Taxiway, Apron And Access Roads At Brunei International Airport - FSOR AME / 2025-2026 / SH-03 (Kelas II atau ke atas)

Tajuk dan Bilangan Tawaran :
Supply Of Roadline Paint And Other Accessories For Runway, Taxiway, Apron And Access Road At Brunei International Airport AME / 2025-2026 / SH-04 (Kelas I dan ke atas)

Tajuk dan Bilangan Tawaran :
Kontrak Bermusim Bagi Kerja-Kerja Pemotongan Rumput Bagi Bangunan Kejuruteraan Dan Pemeliharaan Aset Bagi Tempoh Dua (2) Tahun AME / 2025-2026 / SH-05

Tarikh iklan / mengambil dokumen tawaran:
Rabu,
22 Januari 2025.

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran :
Selasa,
11 Februari 2025.

Tarikh tutup tawaran:
Rabu,
12 Februari 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah,
Seksyen Kewangan
Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
18 / DBP / SH / 2024-2025

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Bahan Aktiviti Running Number Bagi Kegiatan Literasi Awal Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan Sebut Harga
19 / DBP / SH / 2024-2025

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Mesin Cricut Untuk Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan Sebut Harga
20 / DBP / SH / 2024-2025

Tajuk Sebut Harga
Removal Of Common Weeds On Exterior Wall Of Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Bandar Seri Begawan

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
4 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
23 / BBS / SH(K) / 2024-2025

Keterangan Projek:
To Supply and Delivery of 6 Unit Fixed Cabinet Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Bilangan Tawaran:
24 / BBS / SH(K) /
2024-2025

Keterangan Projek:
To Supply and Delivery of Ink Cartridge Bahagian Penguatkuasaan dan Pejabat PLB Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Bilangan Tawaran:
25 / BBS / SH(K) /
2024-2025

Keterangan Projek :
To Supply and Install of Smart TV With Stand for Bahagian Korporat

Bilangan Tawaran:
26 / BBS / SH(K) /
2024-2025

Keterangan Projek:
To Supply and Delivery of Laptop for Bahagian Aset Perniagaan Under Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Bilangan Tawaran:
27 / BBS / SH(K) /
2024-2025

Keterangan Projek:
To Supply and Delivery of Rubber Stamp for Bahagian Korporat And Bahagian Kewangan Under Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Bilangan Tawaran:
28 / BBS / SH (K) /
2024-2025

Keterangan Projek:
To Supply and Deliver Five-Tier Filing Cabinet for Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non – Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
28 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH /
ASET / 17 / 2024-2025

Tajuk Sebut Harga :
To Supply, Design, Fabricate, And Install Glass Display Cabinets and Storage Cabinets for The Ministry of Primary Resources and Tourism.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
13 Februari 2025,
Khamis,
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Taklimat:
3 Februari 2025.
Isnin,
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



1. Keterangan Projek:
Supply And Delivery Office Equipment For Bahagian Kewangan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

Bilangan Tawaran:
29 / BBS / SH(K) / 2024 - 2025

2. Keterangan Projek:
Supply And Delivery Black Vest With Reflector And Wordings For Bahagian Kewangan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

Bilangan Tawaran:
30 / BBS / SH(K) / 2024 - 2025

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non-Refundable)

Tarikh Tutup :
Selasa,
28 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.



BKN
BIRO KAWALAN NARKOTIK
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
(39) BKN / (DAF) / PENT /
55 Pt. 6

Tawaran Bagi:
Membekalkan Catuan Makanan Bagi Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri Selama 2 Tahun (24 Bulan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
28 Januari 2025
Jam 2.00 Petang




PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)



DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan



SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

جوالن سالينان كنهر ۲ ديكنيتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam [laman galeri Infofoto \(www.infofoto.gov.bn\)](http://www.infofoto.gov.bn)

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN


Isnin - Khamis
8.00 Paggi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Paggi – 11.00 Paggi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

EKSPLORASI KERJAYA 2.0 : MEMBERI NILAI TAMBAH, PEMAHAMAN KERJA DALAM KHEU

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari. - Persatuan Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Alumni UNISSA dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OceAN), UNISSA baru-baru ini menganjurkan Program Eksplorasi Kerjaya 2.0 : Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di Dewan Melor, Tingkat 2, KHEU.

Seramai 59 peserta terdiri daripada pelajar dan Alumni

UNISSA menyertai program berkenaan.

Sesi pertama lawatan dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, KHEU, Awang Muhammad Nur Naqiuddin bin Haji Rosman.

Antara isi taklimat adalah mengenai pengenalan sejarah awal penubuhan KHEU, hala tuju, dasar-dasar serta pencerahan tentang struktur dan fungsi-fungsi jabatan-jabatan di bawah KHEU.

Turut memberi pencerahan

mengenai pengambilan kakitangan KHEU adalah Ketua Unit Pengambilan Kakitangan, Dayang Norhanani binti Haji Abd. Wahab.

Sesi taklimat diakhiri dengan penyerahan cenderamata yang disampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan Alumni UNISSA, Dr. Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin kepada Pemangku Penolong Pengarah Pentadbiran, Jabatan Pentadbiran KHEU, Awang Haji Muhammad Hairul Rizal bin A. Haji Zaini.

PERSATUAN Alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Alumni UNISSA dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri (OceAN), UNISSA semasa menganjurkan Program Eksplorasi Kerjaya 2.0 : Kementerian Hal Ehwal Ugama (atas kiri), manakala gambar atas, penyerahan cenderamata yang disampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan Alumni UNISSA, Dr. Muhammad Yadiy bin Haji Mat Yassin.

Manakala pada sesi kedua puluh, para rombongan diberi kesempatan melawat jabatan-jabatan di bawah KHEU.

Hasil daripada program berkenaan diharapkan akan dapat memberi nilai tambah dan pemahaman yang mendalam tentang kerja dalam KHEU



Memperkasa hak Orang Kurang Upaya

TIDAK dapat dinafikan lagi, Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat yang memerlukan perhatian dan sokongan padu daripada orang ramai bagi memastikan mereka mendapat hak yang sama seperti individu yang lain.

Sehubungan dengan itu, memperkasa hak mereka bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti hidup mereka, bahkan juga mencerminkan keadilan dan keharmonian dalam sesebuah negara. Oleh itu, beberapa langkah efektif perlu dilaksanakan dalam memastikan golongan OKU diberi peluang yang sama dalam semua aspek kehidupan mereka.

Pertama, memberi peluang pekerjaan yang adil merupakan salah

satu langkah utama dalam memperkasa hak golongan berkenaan. Pihak majikan perlulah diberi kesedaran serta menggalakkan pengambilan mereka sebagai pekerja. Dengan itu, beberapa kemudahan khas bagi golongan OKU perlu disediakan seperti ruang kerja yang sesuai, lif khas dan sebagainya. Ini akan dapat membantu mereka menjalani kehidupan yang lebih mesra dan bermakna serta dapat mengurangkan kebergantungan kepada orang lain.

Seterusnya, usaha dalam memastikan akses kepada pendidikan yang inklusif merupakan langkah yang dapat memperkasa golongan OKU supaya mendapat akses pendidikan yang lebih baik. Sistem pendidikan perlu diperbaiki agar sesuai

dengan keperluan mereka. Hal ini seperti menyediakan bahan pembelajaran khas, kemudahan fizikal di sekolah dan sebagainya. Pendidikan yang berkualiti akan dapat membantu mereka dalam meningkatkan lagi kemahiran dan ilmu yang diperlukan untuk berdikari dan menyumbang kepada masyarakat.

Manakala dari segi sosial puluh, kesedaran terhadap hak dan keperluan OKU perlulah ditingkatkan dalam kalangan masyarakat. Pihak kerajaan perlu turut memainkan peranan penting berkenaan. Antara sumbangan yang boleh dilakukan adalah seperti mengadakan kempen kesedaran mengenai hak golongan OKU serta program inklusif. Hal ini bertujuan membantu memupuk sikap hormat dan empati terhadap golongan

berkenaan serta dapat memperkuuh hak-hak mereka melalui pelaksanaan akta-akta yang tertentu.

Sebagai kesimpulannya, memperkasa hak OKU memerlukan usaha yang menyeluruh daripada semua pihak, termasuklah kerajaan, majikan, keluarga dan masyarakat umum. Dengan sokongan dan kesedaran yang tinggi, kita akan dapat mewujudkan masyarakat yang berakhhlak mulia dan menghargai setiap individu tanpa mengira keupayaan fizikal atau mental mereka. Hal ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan OKU tetapi juga memperkuuh lagi keharmonian dan kemajuan negara.

Nama : Muhammad Nor Iman bin Haji Norman
No. K/P : 01-132XXX



Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Kepimpinan Bermula Dari Diri Sendiri'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2025
- 2.'Perpaduan Kunci Pembangunan'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2025
- 3.'Kesan Media Sosial Kepada Kanak-Kanak'. Tarikh Tutup : 5 Februari 2025

Termasuk Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MENGUKUHKAN SEMANGAT SOLIDARITI, PATRIOTIK PELAJAR



SEKITAR Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' yang diadakan di Sekolah Menengah Perdana Wazir (atas, kiri dan bawah).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

BELAIT, Selasa, 21 Januari. - Sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dalam menyemai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Cawangan Daerah meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Perdana Wazir, di daerah ini.

Seramai 110 penuntut Tahun 7

menghadiri taklimat yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Turut hadir ialah Timbalan Pengetua Akademik, Pengiran Suzelawatiaidah binti Pengiran Haji Sulaiman dan para tenaga pengajar.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait bersama Pemangku Pegawai Luar, Bahagian Cawangan Penerangan, Dayang Noraisah binti Haji Muhammed.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera'. Pada akhir program, para penuntut turut berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program berkenaan bertujuan untuk mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.



مقرنلکن اقليکاسي موده الیه جابتن ڦراغن


Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

350 PELAJAR BAHARU SMALHB MULAKAN SESI PENGAJIAN



UCAPAN alu-aluan oleh Pengetua SMALHB, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad.

U1 di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) bagi Sesi Akademik 2025/2026.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 167 pelajar mengikuti jurusan Syariah dan 79 pelajar dalam jurusan Usuluddin. Manakala, 13 pelajar lagi mengikuti dalam jurusan Lughah, sementara 91 pelajar dalam jurusan Umum.

Pelajar - pelajar berkenaan merupakan lepasan dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Ma'had Islam Brunei dan Institut

Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) 1446 Hijrah / 2024 Masih dan memenuhi syarat-syarat kelayakan.

Atur cara Majlis Pendaftaran disahkan dengan sesi acara keagamaan bertempat di Surau At-Taqwa, di sini.

Diikuti dengan ucapan alu - aluan oleh Pengetua SMALHB, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad.

Majlis diteruskan dengan sesi suai kenal dan kemudian mendengar taklimat di Dewan Al-Azkiyya.

SMALHB merupakan satu-satunya institusi prauniversiti Arab sebelum pelajar-pelajar melangkah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi, iaitu ke peringkat universiti.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



ANTARA pelajar lelaki dan perempuan yang memulakan sesi pengajian mereka di peringkat Pra U1 di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB) bagi Sesi Akademik 2025/2026.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari. - Seramai 350 pelajar baharu terdiri daripada 134 pelajar lelaki dan 216 pelajar perempuan pagi tadi memulakan sesi pengajian mereka di peringkat Pra

NBD berada dalam MTL hingga penghujung Mac 2025

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini berada dalam Monsun Timur Laut (MTL), yang pada lazimnya akan berterusan sehingga sekitar hujung Mac 2025.

Semasa tempoh separuh pertama MTL, iaitu sehingga Januari 2025, yang juga dikenali sebagai musim tengkujuh, negara lazimnya mengalami keadaan cuaca tidak menentu, dengan hujan atau hujan berpetir sekali sekala lebat berlaku terutamanya pada waktu malam hingga awal pagi.

Manakala, semasa tempoh separuh kedua MTL (Februari 2025 dan Mac 2025), keadaan atmosfera cenderung menjadi lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turunan hujan.

Keadaan cuaca diramalkan aktif bermula hari ini sehingga Isnin (27 Januari 2025). Hujan lebat dan berpetir dijangka berlaku sekali sekala, menjasaskan kebanyakan kawasan pesisiran dan perairan negara pada waktu pagi dan malam, serta di kawasan pedalaman negara pada waktu petang. Kelajuan angin pula sehingga 50 kilometer sejam semasa atau dekat hujan.

Keadaan laut pada amnya berombak di paras sederhana ke bergelora antara 1.5 sehingga 2.5 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah - langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku.

Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-

kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut di paras sederhana ke bergelora adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

BDMD akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi BDMD, iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather, Instagram @brunei.weather dan saluran Telegram Brunei Weather.

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja **memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil** bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

**DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN**




PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAIKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik **telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.**

**DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERTIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.**





Kecerdasan mental penting dijaga

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

KESIBUKAN yang dihadapi sehari-hari membuatkan kita sering berdepan dengan pelbagai gangguan yang boleh menjaskan tumpuan dan prestasi mental. Oleh itu, menjaga kecerdasan mental merupakan suatu perkara penting kerana ia dapat membantu melancarkan tugas sehari-hari.

Menjaga kecerdasan mental boleh dilakukan dengan melatih otak agar kekal cergas dan lebih fokus.

Latih Otak Lebih Peka dan Kurang Gangguan

Antara cara untuk melatih otak agar lebih peka dan mengurangkan gangguan adalah seperti berikut.

Mengamalkan senaman fizikal secara berkala. Senaman bukan sahaja baik untuk kesihatan tubuh badan tetapi juga memberi kesan positif kepada otak.

Aktiviti fizikal seperti berjalan kaki, berlari atau bersenam dapat meningkatkan aliran darah ke otak, yang seterusnya membantu meningkatkan kecergasan mental dan mengurangkan rasa letih.

Dengan tubuh yang sihat, otak akan lebih

fokus dan mampu bertindak balas dengan lebih pantas.

Selain itu kita juga mesti mendapatkan tidur yang cukup dan berkualiti. Tidur yang mencukupi adalah kunci utama untuk mengekalkan prestasi otak. Ketika tidur, otak kita memproses informasi dan menyusun memori. Kekurangan tidur boleh menyebabkan kita cepat terdedah kepada gangguan dan sukar untuk menumpukan perhatian.

Oleh itu, pastikan awda mendapat tidur yang cukup antara tujuh hingga lapan jam setiap malam untuk otak yang lebih cergas.

Latihan yang berkaitan dengan mental dan perhatian. Ia adalah seperti tubuh kita yang memerlukan latihan fizikal. Begitu juga otak perlu dilatih. Aktiviti seperti teka-teki silang kata, Sudoku, atau permainan strategi boleh membantu merangsang otak dan meningkatkan kemampuan kognitif.

Latihan mental ini bukan sahaja melatih otak untuk berfikir lebih pantas tetapi juga membantu meningkatkan daya tumpuan dan memori.

Selain itu, kita juga disaran untuk mengurangkan penggunaan peranti elektronik. Ia juga cara untuk melatih otak dengan lebih baik. Peranti elektronik seperti telefon pintar dan komputer boleh menjadi sumber utama gangguan. Notifikasi media

sosial, mesej, atau aplikasi lain sering kali mengalihkan perhatian kita. Apa lagi jika kita suka membaca komen-komen negatif yang setentunya memberi pengaruh yang tidak baik.

Untuk meningkatkan tumpuan, cubalah menetapkan masa tertentu untuk menggunakan peranti ini dan pastikan awda menghindari gangguan tersebut ketika sedang bekerja atau belajar.

Kita juga disaran untuk membuat jadual harian dengan teratur sebagai salah satu cara terbaik untuk mengurangkan gangguan dengan mempunyai rutin harian yang jelas.

Dengan merancang aktiviti sehari-hari, kita dapat memberi fokus sepenuhnya kepada setiap tugas yang perlu diselesaikan.

Menetapkan matlamat yang spesifik dan mencapai setiap satu daripadanya boleh memberikan rasa pencapaian dan meningkatkan produktiviti.

Saranan seterusnya ialah bernaafas dengan dalam dan tenang, yang mana teknik pernafasan yang dalam dan tenang dapat membantu mengurangkan tekanan dan memberi ketenangan kepada minda.

Pernafasan yang teratur boleh meningkatkan kadar oksigen dalam tubuh dan otak, seterusnya meningkatkan kemampuan fokus. Kita boleh mengamalkan

pernafasan dalam beberapa minit setiap hari, terutamanya ketika rasa tertekan atau terganggu.

Menjaga pemakanan yang sihat juga adalah penting kerana apa yang kita makan memberi kesan langsung kepada otak. Makanan yang kaya dengan asid lemak omega-3, antioksidan dan vitamin dapat meningkatkan fungsi otak dan mengurangkan risiko gangguan mental.

Makanan seperti ikan salmon, kacang, buah-buahan beri dan sayur-sayuran hijau harus dimasukkan dalam diet harian untuk menjaga kecergasan otak.

InsyaaAllah dengan mengamalkan cara-cara ini, otak kita akan lebih terlatih untuk kekal cergas dan lebih fokus dalam menghadapi cabaran sehari-hari.

Keupayaan untuk mengurangkan gangguan dan meningkatkan tumpuan bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi kerja, tetapi juga memberi impak positif kepada kesejahteraan mental secara keseluruhan.

Kita mesti percaya bahawa tiada istilah terlewat untuk mulakan amalan gaya hidup sihat dengan memasukkan kebiasaan-kebiasaan ini dalam rutin sehari-hari. Ini penting demi menjaga kecerdasan mental masing-masing sehingga hari tua.



CUBAAN SELUDUP BARANG TEGAHAN DIPATAHKAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Selasa, 21 Januari. - Satu Operasi Tinjauan yang dikendalikan oleh Balai Polis Temburong, membawa hasil, di mana satu percubaan untuk membawa barang-barang tegahan telah berjaya dipintas.

Pada kira-kira pukul 5.00 petang, atas pemantauan yang dibuat, pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mendapati sebuah kereta yang disyaki membawa barang tegahan dan

setelah pemeriksaan dijalankan, mendapati tiga plastik besar yang mengandungi minuman keras.

Pemandu dan penumpangnya dibawa ke Balai Polis Bangar untuk siasatan lanjut. Operasi Tinjauan tersebut telah berjaya merampas 36 botol minuman keras.

Seorang pemandu warga tempatan dan tidak bekerja serta penumpangnya, seorang remaja tempatan bersama barang-barang tegahan telah diserahkan kepada



PASUKAN Polis Diraja Brunei (PPDB) mendapati barang-barang tegahan semasa menjalankan Operasi Tinjauan (kanan dan bawah kiri).

pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk tindakan selanjutnya.

Pihak PPDB ingin mengingatkan orang ramai agar jangan melibatkan diri dengan aktiviti - aktiviti jenayah dan melanggar undang-undang negara yang hanya mendatangkan kerugian pada diri sendiri dan keluarga.

PPDB akan sentiasa bergiat aktif dalam usaha pemberantasan dan pengekangan terhadap kegiatan-kegiatan penyeludupan barang tegahan di negara ini.



PPDB siasat kejadian buli

BELAIT, Selasa, 21 Januari. - Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak (USJPWKK) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sedang giat menjalankan satu siasatan terhadap video tular yang memaparkan kejadian buli yang melibatkan seorang mangsa, baru-baru ini.

Kejadian telah dilaporkan oleh pihak PPDB pada 19 Januari 2025 di Balai Polis Kuala Belait. Menerusi sesi rakaman video-video tersebut, masing-masing menunjukkan seorang remaja lelaki (mangsa) telah dipukul menggunakan tangan serta kaki tanpa sebarang objek lain oleh beberapa remaja lelaki (suspek).

Pihak PPDB segera mengumpulkan maklumat dan siasatan pun telah dijalankan. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 323, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 iaitu menyebabkan dan mendatangkan kecederaan.

PPDB menegaskan kepada orang ramai terutamanya pelajar-pelajar sekolah agar menghindari daripada kelakuan membuli kerana ia boleh menjurus kepada perbuatan jenayah. PPDB juga ingin mengingatkan ibu-bapa agar sentiasa memantau dan prihatin atas tingkah laku dan pergaulan anak-anak.

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

f bruneiweather **@**brunei.weather **Weather Line 114** **www.met.gov.bn**




Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Sayur Tajak Pisang Masak Ikan Masin Kampung Bunut

BAHAN-BAHAN:

- 2 batang kecil tajak pisang dihiris nipis
- Setengah ikan masin belanak sederhana besar
- 6 - 8 ulas bawang putih (diketuk)
- 4 - 5 biji bawang merah (diketuk)
- 3 inci lengkuas (diketuk)

4 batang serai (diketuk)

- 5 - 6 keping asam gelugor
- 2 - 3 cawan air
- 2 - 3 cawan santan
- Serbuk perasa secukup rasa
- Garam secukup rasa

CARA MEMASAK :

Rebus tajak pisang yang dihiris dengan sedikit garam sehingga lembut. Rebus ikan masin dan bahan-bahan yang diketuk serta asam dengan 2 - 3 cawan air sehingga mendidih. Kemudian masukkan tajak pisang, santan, perasa serta garam secukup

OPERASI PANYAP 2025 KESAN BEBERAPA KESALAHAN

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 21 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan tiga operasi penguasa undang-undang di bawah

Operasi Panyap 2025 yang mana menyasarkan kepada beberapa kawasan di Negara Brunei Darussalam.

Adapun tujuan operasi berkenaan diadakan adalah



bagi menguatkuaskan akta dan peraturan yang dipertanggungjawabkan di bawah JIPK termasuk Akta Anti Pemerdagangan Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229.

Semasa Operasi Panyap 05 / 2025 di Pasar Tani Setenaga, Mukim Sengkurong, seramai lima orang warganegara asing diperiksa dan empat orang daripadanya telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Hasil daripada siasatan tersebut, tiga orang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal dan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Manakala seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresennya mansuh.

Sementara itu, semasa Operasi Panyap 06 / 2025 yang dijalankan di premis perniagaan di Mukim Berakas 'A' dan tempat penginapan di Mukim Kianggeh, seorang warganegara asing telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas lawatan.

Pada Operasi Panyap 07 / 2025 di rumah sewa pekerja asing di Mukim Kuala Belait, 26 orang warganegara asing telah pun diperiksa dan seorang daripadanya telah pun ditahan dan



JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan semasa menjalankan Operasi Panyap 2025 yang menyasarkan beberapa kawasan di Negara Brunei Darussalam (atas, atas kiri dan bawah kiri).

dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang setelah gagal untuk mengemukakan sebarang dokumen perjalanan yang sah.

JIPK ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama

memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

جامعة فلسطين الجامعية
FARAJAH PERANGKAT EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KERJASAMA DAN EKONOMI

ALAI PINTAR
SOALAN 22 JANUARI 2025, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Nyatakan jumlah hari dalam bulan Januari tahun 2025?
a) 20 hari
b) 28 hari
c) 31 hari
- Sambutan Awal Tahun Hijrah di Negara Brunei Darussalam ialah pada setiap _____.
a) 1 Rejab
b) 1 Muhamarram
c) 1 Ramadan
- Antara kerjaya yang berikut, yang manakah berkaitan dengan sains?
a) Ahli bomba
b) Pegum
c) Ahli geologi

TARIKH TUTUP : 30 JANUARI 2025

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 140 :

Nama : Dayangku Rubiatul Nurasyurah binti Pengiran Md. Rashidi
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0123713-01. Sekolah : Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49

Nama : Kaiyisah Az-Zahraa binti Khirur Rizal
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0120253-01. Sekolah : Sekolah Rendah PDNPJ Sengkarai Tutong

Nama : Nabilah Zahirah Neqmatul Hanah Haji Zainuddin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0134482. Sekolah : Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi WhatsApp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 140

- A – Pergi
- A – 120 Jam
- A – Izin



ePaper Pelita Brunei



PASUKAN SAYYIDINA UMAR AL-KHATTAB JUARA PERLAWANAN FUTSAL



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Awang Haji E'rifin Haji Mohd. Yusof

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari. - Pasukan Sayyidina Umar Al-Khattab membuktikan kehebatannya berentap dalam permainan futsal apabila dinobatkan sebagai juara

pada Perlawanan Futsal baru-baru ini bertempat di Gelanggang Futsal, Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya (JKR) di sini.

Sementara naib juara

dimenangi oleh Pasukan Sayyidina Othman, manakala Pasukan Sayyidina Abu Bakar dan Pasukan Sayyidina Ali, masing-masing berada tempat ketiga dan keempat.

Hadir menyaksikan perlawanan anjuran bersama Majlis Perundingan Kampung Kasat dan

Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Penghulu Mukim Lumapas dan Timbalan Mufti Kerajaan bergambar ramai bersama pasukan yang bertanding.

Wa'ie bin Abd. Hamid dipilih sebagai Penjaring Gol Terbanyak, sementara Awang Ahmad Nabil bin Haji Sabtu pula dinobatkan sebagai Pemain Terbaik, manakala Penjaga Gol Terbaik pula diberikan kepada Awang Muhammad Fatwa bin Haji Amat.

Para pemenang menerima hadiah berupa piala, baju jersi dan barang asasi termasuk barang elektrik.

Adapun pertandingan berkenaan diadakan adalah bagi mengeratkan lagi ukhuwah sesama penduduk selain menjadikan aktiviti sukan berkenaan dijalankan secara aktif demi untuk penjagaan kesihatan.

Di samping itu, memupuk mereka untuk sentiasa mempraktikkan amalan berdisiplin termasuk dalam etika berpakaian yang sopan seperti ditetapkan oleh pihak pengajur serta mengetengahkan dalam pencarian bakat-bakat yang berpotensi melalui sukan futsal untuk diserapkan ke Kelab Futsal Kampung Kasat dan ke pertandingan di peringkat daerah-daerah, mukim-mukim, kampung-kampung, serta peringkat kebangsaan akan datang.

Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kasat berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, yang juga selaku Penghulu Mukim Lumapas; dan Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Madin.

Seramai 32 peserta yang terdiri daripada penduduk Kampung Kasat dan dibahagikan kepada empat kumpulan. Nama kumpulan masing-masing dinamakan dengan nama-nama para sahabat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perlawanan kali ini juga menyaksikan Awang Abdul Ally

Kasuka Ar Rawda kukuhkan kedudukan teratas BEFL 2024/25



SEBAHAGIAN aksi perlawanan Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024/25 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah baru-baru ini (kiri sekali dan kiri).

HiTUNE FC pada minit ke-32 melalui tendangan Haji Mohammad Fardi Farhan Affendi.

Pasukan Almerez HiTUNE FC yang berusaha membolosi gawang lawan tetapi gagal bagaimanapun terpaksa akur kerana pada minit ke-39, Kasuka Ar Rawda mengubah kedudukan kekal menjadi 5 - 0 hasil sepakan Awangku Muhammad Naqib Pengiran Timbang sehingga tamat perlawanan.

Sementara itu pada perlawanan kedua menyaksikan Pasukan Silveredz FC mengutip tiga mata penuh selepas mengalahkan FC Phosphor dengan keputusan 3-1 pada perlawanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ihsan Brunei Elite Futsal League 2024/25

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Januari. - Pasukan Kasuka Ar Rawda terus mengukuhkan kedudukan teratas Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024/25 di sebalik menerima saingan mantap daripada Pasukan Almerez HiTUNE FC dalam pertemuan yang berkesudahan 5 - 0 di

Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah baru-baru ini.

Abu Suffian Haji Adanan bijak menyempurnakan sentuhan gol pada minit ke-16 dan terus bertubi-tubi melakukan serangan kepada pasukan lawan.

Ledakan kencang Mohammad Reza

Rahmannia pada minit ke-27 dan minit ke-29 berjaya merobek gawang Almerez HiTUNE FC untuk mengubah jaringan 3 - 0.

Perlawanan babak kedua terus menyaksikan pertembungan kedua-dua buah pasukan sehingga Kasuka Ar Rawda sekali lagi memperkuatkan kecemerlangan menerusi ledakan menarik yang memperdayakan penjaga gol Almerez

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BANTERAS JENAYAH YANG BOLEH MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA